

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

National Library of Malaysia



Laporan Tahunan 2002

Annual Report 2002



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Laporan Tahunan
2 0 0 2



KUALA LUMPUR
2003
www.pnm.my

Cetakan / *Printing*, 2003
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2003

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, dalam apa jua bentuk, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, disalin semula, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from The Director-General National Library of Malaysia.

Diterbitkan oleh / *Published by*
Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia,-1985-.

-Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-.

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. National Libraries ~ Malaysia. 2. Corporation reports. I. Judul.

027.5595

Kandungan

• Falsafah Korporat	2		
• Objektif	3		
• Carta Organisasi Mengikut Fungsi	4		
• Lembaga Penasihat	6		
• Jawatankuasa Penasihat	7		
• Pasukan Pengurusan	12		
• Pencapaian Tahun 2002	13		
• Penyusunan Semula Struktur Organisasi Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia	16		
• Peristiwa Penting Tahun 2002	17		
• Sumber Perpustakaan	19		
		• Perkhidmatan Maklumat	21
		Maklumat Malaysiana	
		Maklumat Dunia	
		Pusat Manuskrip Melayu	
		Gerakan Membaca	
		• Pendokumentasian dan Pangkalan Data	28
		• Teknologi Maklumat	29
		• Pemuliharaan dan Reprografi	32
		• Pembangunan dan Penyelidikan Perpustakaan	34
		Prasarana Perpustakaan	
		Khidmat Nasihat/Perundingan	
		Penyelidikan Perpustakaan	
		• Perkhidmatan Sokongan	40
		Pentadbiran dan Kewangan	
		Pembangunan Sumber Manusia	
		Pendidikan Pengguna	
		Promosi	
		Pameran	
		Lawatan	
		Liputan Media Massa	
		• Kerjasama Perpustakaan	51
		Peringkat Kebangsaan	
		Peringkat Serantau dan Antarabangsa	
		• Penerbitan	55
		• Penulisan	56
		Kertas Kerja/Artikel/Ulasan Buku	
		• Kebajikan dan Sukan	60



FALSFAH

Membina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu Pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.

WAWASAN

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan maklumat yang Cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara pcrindustrian yang maju.

MISI

Memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui prasarana Perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara.

PENUBUHAN

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara* (Akta 80) 1972. Akta ini dipinda pada tahun 1987 Selaras dengan perkembangan perkhidmatan Perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

OBJEKTIF

Maksud dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987* adalah seperti yang berikut:


- (a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (b) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber Perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara, dan;
- (c) mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan Perpustakaan.

PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA


Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (menggantikan *Akta Pemeliharaan Buku 1966*) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara. Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menyediakan bagi Pemeliharaan dan penggunaan bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- (b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia, dan;
- (c) untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.

CARTA ORGANISASI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2002
MENGIKUT FUNGSI
(Mulai 1 Oktober 2002)



CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2002 MENGIKUT FUNGSI (Sehingga 30 September 2002)



AHLI LEMBAGA PENASIHAT



1

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashidan Hj. Baba
(Pengerusi)



2

**Y.B. Prof. Dato' Dr. Hj. Othman
Hj. Ishak**



3

**Y. Bhg. Tan Sri Dato'
Dr. Awang Had Salleh**



4

**Y. Bhg. Tan Sri Dato' Lee
Lam Thye**



5

**Y. Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj.
Nik Safiah Hj. Abdul Karim**



6

Y.B. Tuan Hj. Zakaria Nordin



7

Y. Bhg. Puan Azah Aziz



8

Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba



9

Encik Nor Azmal Mohd. Nazir

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 [Akta 80]*, Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberikan nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunan dan perkhidmatan Perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia khususnya dan di seluruh negara amnya.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia adalah seperti senarai yang berikut:

1. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Raslidan Haji Baba (Pengerusi)
2. Y.B. Prof. Dato' Dr. Hj. Othman Haji Ishak
3. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh
4. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Lam Thye
5. Y.Bhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj. Nik Safiah Hj. Abdul Karim
6. Y.B. Tuan Hj. Zakaria Nordin
7. Y.Bhg. Puan Azah Aziz

Ex-Officio

8. Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia
9. Encik Nor Azmal Mohd. Nazir
Wakil Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia

Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2002, Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia bermesyuarat sebanyak 2 kali, iaitu pada 20 Mei 2002 di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching dan pada 26 September 2002 di Perpustakaan Negara Malaysia. Selain perbincangan tentang program dan aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia, ahli Lembaga juga memberikan pandangan tentang Kertas Mesyuarat yang dibentangkan seperti yang berikut:

20 Mei 2002

- Pelaksanaan struktur organisasi baru Jabatan Perpustakaan Negara tahun 2002.
- Kempen Membaca Kebangsaan 2002.
- Cadangan Perpustakaan Negara Malaysia menjadi Urus Setia Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM).

26 September 2002

- Cadangan projek perintis Perpustakaan sekolah sebagai anak angkat Perpustakaan desa.
- Cadangan Penyelarasan pendaftaran ahli Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Negara Malaysia.
- Cadangan penubuhan Perpustakaan Digital Islam.

JAWATANKUASA PENASIHAT

JAWATANKUASA KEBANGSAAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN DAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT

Perpustakaan Negara Malaysia menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat pada tahun 2000. Tujuan penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk membantu Perpustakaan Negara Malaysia membuat keputusan berkaitan dengan projek Penyelidikan dan pembangunan (R&D) Perpustakaan dalam negara. Bahagian Penyelidikan Perpustakaan ialah Urus Setia bagi Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuaratnya pada 18 April 2002. Mesyuarat dihadiri oleh 14 ahli Jawatankuasa, termasuk 2 ahli daripada Urus Setia. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah:

- Laporan Kajian Rintis Tentang Keperluan Maklumat Komuniti terpilih dalam Kawasan Lembah Kelang, Malaysia-
- Cadangan projek Penyelidikan bagi, tahun 2002/2003:
 - *Islamic Information Resources Management; An Management; An Exploratory Study, 2002.*
 - *A Case Study on the requirement of Metadata Standards in Preserving Information Government Agencies in Malaysia, 2002.*
 - Kajian Tabiat Membaca Rakyat Malaysia, 2003.

Susulan daripada mesyuarat ini, satu mesyuarat diadakan pada 23 Disember 2002 yang dipengerusikan oleh Puan Norpishah Mohd. Noor, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dua kertas Cadangan, iaitu:

- Cadangan Program Pembangunan Kompetensi Pustakawan
- Cadangan Kajian dan Pindaan kepada Skim Perkhidmatan Pustakawan (S4I)

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Naib Pengerusi

Puan Norpishah Mohd. Noor
Pem. Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton Osman
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Universiti Malaya

Prof. Dr. Halimah Badiozaman
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Prof. Madya Dr. Laili Haji Hashim
Dekan Fakulti Pengajian Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Prof. Madya Dr. Ahmad Bakeri Abu Bakar
Ketua
Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Prof. Madya Dr. Diljit Singh
Timbalan Dekan (Pembangunan)
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya.

Y.Bhg. Datin Paduka Shahaneem Hanum
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Y. Bhg. Datin Mardhiah Mohd. Zin
Ketua Pustakawan
Pusat Maklumat Sawit
Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia

Dr. Haji Abdul Rahman Hassan
Ketua Bahagian
Bahagian Pembangunan Perangkaan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dr. Mohd. Sahandri Gani Hamzah
Ketua Penolong Pengarah
Unit Penyelidikan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cik Suscelah Fonseka
Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha

Tuan Haji Rosham Haji Abdul Shukor
Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Penolong Setiausaha

Puan Chin Loy Jyoon
Pustakawan Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA GERAKAN MEMBACA KEBANGSAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai urus setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dan urus setia ini diletakkan di bawah Bahagian Gerakan Membaca untuk menyelaraskan aktiviti galakan membaca di peringkat kebangsaan.

Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan ahlinya terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Menteri Pendidikan Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malaysia/
Pengerusi MBKM

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Sembilan

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Pahang

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Perak

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Perlis

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Pulau Pinang

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Sabah

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Terengganu

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Wilayah
Persekutuan

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Johor

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Kedah

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Kelantan

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Melaka

Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar Sarawak

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Pengarah Bahagian Kemajuan Masyarakat
[KEMAS]
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian
Pendidikan Malaysia

Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia

Presiden Persatuan Pembacaan Malaysia

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia

Presiden Persatuan Pengimport Buku Malaysia

Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu [M]
Bhd.

Pengarah Urusan The New Straits Times Press [M] Sdn.
Bhd.

Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad

Urus Setia

Bahagian Gerakan Membaca
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT MANUSKRIP MELAYU

Sepanjang tahun 2002, Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu bermesyuarat sekali, iaitu pada 22 Jun 2002. Mesyuarat dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Hj. Omar Mohd. Hashim. Mesyuarat membincangkan pelbagai perkara berkaitan dengan aktiviti Pusat Manuskrip Melayu. Antara kertas mesyuarat yang dibincangkan adalah seperti yang berikut;

- Cadangan penerbitan buku mewah berjudul *Warisan Manuskrip Melayu*.
- Laporan pengesanan manuskrip Melayu di Melaka.
- Tawaran perolehan manuskrip yang diragui keasliannya.
- Laporan pameran *Treasures from the World's Great Libraries* di Australia.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Hj. Omar Mohd. Hashim

Pengerusi Eksekutif, Persatuan Sejarah Malaysia

Timbalan Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh

Persatuan Sejarah Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Mohd. Taib Osman

Ahli akademik/Penyelidikan

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Hassan Mohd. Sham

Universiti Malaya

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Siti Haw Salleh

Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari Lubis
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Othman Yatim
Universiti Malaya

Y.Bhg. Datuk Paduka Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Puan Ruhani Mamat
Setiausaha Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat
Pengarah Pusat Penyerahan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Y.Bhg. Datin Siti Mariani S.M. Omar
Pengarah Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

JAWATANKUASA PENASIHAT KHIDMAT SUMBER MEDIA

Dalam tahun 2002, Jawatankuasa bermesyuarat sebanyak 3 kali, iaitu pada 26 Februari 2002, 25 Jun 2002 dan 8 Oktober 2002. Mesyuarat membincangkan perkara berikut:

26 Februari 2002

- Memperoleh bahan Sumber media di Istana Budaya.
- Siaran TV luar di Stesyen Pengesanan Klang.

25 Jun 2002

- Bahan sumber media di Istana.
- Mengiklankan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan* di televisyen.

8 Oktober 2002

- Pembangunan Pusat Hipermedia.
- Senarai kaset video yang ditenma di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan* pada tahun 2002.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid

Sejarawan/Penyelidik

Ahli Jawatankuasa

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim Mohd Saad
Universiti Utara Malaysia

Puan Norpishah Mohd Noor
Pem. Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Y.Bhg. Datuk Mohd. Shariff Hj. Ahmad
Ketua Pengarah
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Encik Mustapha Azahari Maarof
Setiausaha
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia

Puan Hajah Hamidah Baba
Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
(sehingga Jun 2002)

Y.Bhg. Datin Dr. Nor Hayati Abd. Rasid
Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
(mulai Julai 2002)

Y.M. Raja Khairul Azman Raja Abdul Karim
Penolong Pengarah Penyelidikan
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
(sehingga Jun 2002)

Encik Manisegaran Amasi
Pengarah, Bahagian Harta Intelekt
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Encik Ismail Jusoh
Ketua Pengarah, Bahagian Harta Intelekt
Perbadanan Harta Intelekt Malaysia
(mulai Julai 2002)

Cik Corinne Ann Cutter
Penolong Pengarah
Jabatan Filem Negara Malaysia

Encik Nik Mohd Husin Wan Mohamed

Pengawal Unit Dokumentari
Jabatan Penyiaran Malaysia
Kementerian Penerangan Malaysia

Tuan Haji Abdul Rahman Hamid

Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia
(mulai Julai 2002)

Encik Pancha Charam Nalliah (Pansha)

Bendahari
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia

Encik Mohd Kabeer Mohd.

Kementerian Penerangan Malaysia
(sehingga Jun 2002)

Encik Abdul Rahman Sudin
Pengarah Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Hajah Azeemunnisa Abd. Majid Khan

Pustakawan Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia
(mulai Mac 2002)

Penolong Setiausaha

Encik Roslee Selamat

Penolong Pegawai Perpustakaan,
Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia



PASUKAN PENGURUSAN (Sehingga 30 September 2002) BERSAMA MENTERI PENDIDIKAN DAN Pengerusi LEMBAGA PENASIHAT



Duduk dari kiri: Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat (*Pgh. Pusat Penyerahan Negara*), Pn. Norpishah Mohd. Noor (*Pgh. Perkhidmatan Sokongan/Timbangan Ketua Pengarah (menanggung kerja)*), Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba (*Ketua Pengarah*), Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad (*Menteri Pendidikan*), Y.Bhg Tan Sri Dato' Or. Mohd. Rashdan Hj. Baba (*Pengerusi, Lembaga Penasihat*), Pn. Siti Zakiah Aman (*Pgh.Bhg, Rujukan Malaysiana*), En. So'ot Mohamed Yasin (*Setiausaha Bhg. Pentadbiran dan Kewangan*),

Berdiri dari kiri: Cik Salbiah Mohammad Yusof (*Pgh. Bhg. Pembangunan*), Pn. Saonah Shairi (*Pgh. Bhg. Teknologi Perpustakaan dan Maklumat*), Encik Abdul Rahman Sudin (*Pgh. Bhg. Sumber Media*), Pn. Jamilah Mohd Sir (*Ketua Bhg. Pemuliharaan dan Reprografi*), Pn. Carole Ann Goon (*Pgh. Bhg. Terbitan Bersiri*), Encik Raslin Abu Bakar (*Pgh. Bhg. Latihan*), Pn. Siti Aishah Sheikh Abdul Kadir (*Pgh. Bhg. Gerakan Membaca*), En. Hj. Rosham Abdul Shukor (*Ketua Bhg. Penyelidikan Perpustakaan*), Pn. Shahrozat Ibrahim (*Pgh. Bhg. Rujukan Umum*) dan Pn. Fadhilah Aini Mohd Yusof (*Ketua Bhg, Hal Ehwal Korporat*).

Tiada dalam gambar: Cik Nafisah Ahmad (*Pgh. Bhg. Khidmat Teknik*) dan Datin Siti Mariani S.M. Omar (*Pgh. Pusat Manuskrip Melayu*).

PENCAPAIAN TAHUN 2002

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. PNM bertanggungjawab membina dan memelihara koleksi kebangsaan dari pelbagai jenis sumber Perpustakaan, menyediakan kemudahan bagi kegunaan sumber tersebut dan memberikan kepimpinan dalam hal ehwal Perpustakaan. PNM juga memainkan peranan penting dalam Perancangan dan pembangunan prasarana Perpustakaan di seluruh negara. Peranan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu dalam pembangunan negara dan memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia.

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

Pada awal Mac 2002, Jabatan Perkhidmatan Awam meluluskan penyusunan semula struktur organisasi PNM yang melibatkan pertambahan sejumlah 182 Jawatan baru dalam semua gred Jawatan. Pertambahan Jawatan ini bukan sahaja melibatkan pengambilan tenaga kerja baru tetapi juga memberi peluang kenaikan pangkat bagi semua gred Jawatan. Proses melaksanakan penyusunan semula struktur organisasi menjadi cabaran utama PNM pada tahun 2002. Pengisian semua gred Jawatan dilaksanakan secara berperingkat mulai Mei 2002.

SUMBER PERPUSTAKAAN

Dalam usaha memperkukuh koleksi Perpustakaan, PNM terus mempergiatkan program perolehan pelbagai sumber perpustakaan melalui penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*, pembelian, hadiah dan pertukaran. Jumlah sumber Perpustakaan yang diperolehi sepanjang tahun 2002 adalah sebanyak 74,995 unit, menjadikan Jumlah kumulatif koleksi PNM sehingga kini mencapai 1,725,532 unit.

PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

PNM terus berusaha memantapkan peranannya sebagai pusat rujukan dan perujukan negara dengan menyediakan perkhidmatan rujukan dan maklumat kepada orang ramai. Teras perkhidmatan rujukan dan maklumat PNM ialah perkhidmatan rujukan Malaysiana. Usaha memperkukuh

PNM sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana dapat dilakukan melalui penyusunan semula struktur organisasi PNM, dan pematapan koleksi dan perkhidmatan yang disediakan. Sepanjang tahun 2002, seramai 442,531 orang telah mengunjungi PNM. Seramai 51,677 mendaftar sebagai ahli baru Perpustakaan, menjadikan Jumlah kumulatif ahli PNM seramai 538,777 orang. Sejumlah 72,906 pertanyaan rujukan berjaya dijawab dan sebanyak 527,001 unit sumber Perpustakaan dirujuk.

Dalam usaha untuk membantu pembaca membuat rujukan dan Penyelidikan, PNM menerbitkan banyak penerbitan sepanjang tahun 2002, antaranya *Bibliografi ASEAN; Bibliografi Wanita Malaysia; Bibliografi Krisis Ekonomi : Pengalaman Malaysia, 1997-2001; Direktori Laman Web Perpustakaan di Malaysia; Jurnal Filologi Melayu*, Jil. 10, 2002; *Sari Pustaka* Bil. 1, 2 dan 3/2002 dan *Warisan Manuskrip Melayu*. PNM juga telah membangunkan pangkalan data Bibliografi Perdana Menteri (<http://perdana.pnm.my>) dan pangkalan data Direktori Perpustakaan di Malaysia (<http://www.pnm/direktori/direktori/htm>.) yang boleh dicapai melalui laman web PNM.

Usaha untuk memartabatkan koleksi manuskrip Melayu PNM terlaksana dengan pengiktirafan manuskrip *Hikayat Hang Tuah* oleh UNESCO. Manuskrip ini telah didaftarkan dalam *Memory of the World Register* sebagai bahan warisan dunia bersama-sama dua manuskrip lain dari Malaysia. Sempena dengan pengiktirafan tersebut, satu Majlis Pengisytiharan Koleksi Agung Negara, Warisan Dunia yang gilang gemilang telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 27 Ogos 2002 di Istana Budaya.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba menerima sijil pengiktirafan daripada SPB Yang Dipertuan Agong di Majlis Pengisytiharan Koleksi Agung Negara, Warisan Dunia.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) yang dimulakan pada tahun 2000 secara usaha sama di antara PNM dengan *Multimedia Development Corporation* (MDC) adalah bertujuan untuk memudahkan capaian kepada sumber ilmu bagi pembelajaran sepanjang hayat. Projek ini juga akan menjadi pemangkin kepada e-pembelajaran dan pembudayaan ilmu rakyat Malaysia. Mulai Mei 2002, pihak MDC menyerahkan pengurusan dan penyelenggaraan projek Sistem PERDANA kepada PNM dan mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebuah syarikat yang bertaraf MSC, iaitu MSC Technology Centre Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pakar runding bagi melaksanakan kajian Sistem PERDANA ini. Selaras dengan perkembangan ini, PNM dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) mengaturkan Persidangan Perpustakaan Digital IV dari 17 hingga 19 Disember 2002. Persidangan ini memberi fokus kepada Sistem PERDANA, khususnya dalam menentukan arah strategi dalam perkembangan sistem Perpustakaan digital di Malaysia.

GERAKAN MEMBACA

Kempen Membaca Kebangsaan 2002 bertujuan untuk menggalakkan minat membaca di kalangan masyarakat, khususnya para remaja dengan slogan *baca@gayahidup*. Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan berhasrat menjadikan budaya membaca sebagai unsur gaya hidup yang berpengaruh, khususnya di kalangan generasi muda. Pelancaran sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2002 disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid pada 8 Julai 2002 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra dalam satu majlis gilang gemilang. Kempen Membaca Kebangsaan 2002 juga diserikan oleh para selbriti yang terdiri daripada penyanyi, pelakon, pengacara, ahli sukan dan ahli paralimpik negara. Lagu dan klip video *Membaca Gaya Wawasan* telah diterbitkan untuk meningkatkan usaha mempromosikan amalan membaca sebagai gaya hidup masyarakat Malaysia.

Melalui program Gerakan Membaca Kebangsaan, beberapa pertubuhan dan agensi kerajaan mendapat faedah daripada agihan sumbangan berjumlah RM 182,000 untuk pembelian bahan bacaan. Antara pertubuhan dan agensi kerajaan yang menerima sumbangan tersebut ialah Agensi Dadah Kebangsaan, Jabatan Penjara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, EELDA, Kompleks Penyayang Bakti dan Rumah Perlindungan Wanira dan Kanak-Kanak Didera.



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di Majlis Pelancaran Kempen Membaca Kebangsaan 2002 di Dewan Merdeka PWTC

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Usaha meningkatkan kemahiran dan kecekapan semua warga PNM serta staf di bawah perkhidmatan gunasama Perpustakaan diteruskan melalui program pembangunan sumber manusia. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 36 kursus, bengkel dan seminar dikendalikan oleh PNM dengan kerjasama institusi latihan kerajaan dan swasta dan memberikan manfaat kepada 971 peserta. Seramai 30 pegawai PNM pula menyertai kursus dan Persidangan di luar negara. PNM juga mengendalikan Program Kerjasama Teknik Malaysia bagi sektor Perpustakaan dan seramai 39 peserta dari dalam dan luar negara menghadiri *Basic Course for Library Assistants And Library Visits/Attachment* dari 5 hingga 24 Ogos 2002. Sebanyak 11 siri Ceramah ikhtisas, Ceramah khas dan *ice breaking* diadakan, disertai oleh 668 peserta. Latihan praktik penempatan pula disertai oleh 9 peserta dari jabatan kerajaan dan swasta. Sebanyak 80 kursus, bengkel dan seminar anjuran jabatan luar di peringkat pengurusan dan Sokongan disertai oleh 170 pegawai, manakala sebanyak 5 peperiksaan dijalankan sepanjang tahun 2002.



Majlis Perasmian Kursus Program Kerjasama Teknik Malaysia, *Basic Course for Library Assistants dan Library Visit/Attachments* PNM.

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

PNM bertanggungjawab memastikan pembangunan infrastruktur Perpustakaan awam di seluruh negara. Pada tahun 2002, sejumlah RM24.03 juta diperuntukkan kepada PNM untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri. Peruntukan ini adalah untuk membangunkan 3 buah Perpustakaan negeri, 21 buah Perpustakaan cawangan, 4 buah Perpustakaan pekan dan 7 unit Perpustakaan bergerak multimedia (e-pustaka). Di samping itu, peruntukan sejumlah RM2.9 juta disalurkan untuk membina 29 unit Perpustakaan desa siber ilmu di seluruh negara. Sejumlah RM1.8 juta pula diperuntukkan untuk Pusat Kecemrlangan Sumber Ilmu Negeri di 14 negeri, manakala RM1.8 juta diperuntukkan untuk Pendigitalan Sumber Ilmu Negeri di 13 negeri. Sepanjang tahun 2002, sejumlah 28 institusi mendapat khidmat nasihat dan perundingan. Satu Mesyuarat Penyelaras Perpustakaan Akademik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan diadakan buat pertama kali pada 9 dan 10 September 2002 di Seberang Jaya, Pulau Pinang. Mesyuarat dihadiri oleh 31 Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan dari Kolej Matrikulasi, Politeknik dan Maktab Perguruan. Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan dengan Anggota Perpustakaan Mengikut Zon bagi Sabah dan Sarawak diadakan dari 17 hingga 19 September 2002 di Mulu, Sarawak, dan bagi Zon Tengah dari 16 hingga 18 Oktober 2002 di Janda Baik, Pahang.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba dan kakitangan PNM mempamerkan sijil tempat kedua yang di perolehi dalam Pertandingan Gerai Pameran Inovasi dan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia 2002.

HUBUNGAN KERJASAMA

Satu kajian rintis bagi mengenai pasti keperluan maklumat komuniti terpilih kawasan Lembah Klang, iaitu di Taman Sri Keramat, Kampung Baru dan Kampung Medan yang dibiayai oleh UNESCO dijalankan pada bulan Mac 2002. Hasil kajian tersebut akan dijadikan asas untuk memulakan Perkhidmatan Maklumat Komuniti.

PNM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menganjurkan persidangan *International Association of School Librarianship (IASL)* dengan tema *School Libraries for a Knowledge Society* dari 5 hingga 9 Ogos 2002 di Petaling Jaya.

PROGRAM KUALITI

PNM mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Gerai Pameran Inovasi dan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia 2002 yang diadakan di Mid Valley Mega Mall dari 22 hingga 24 Oktober 2002. PNM juga mendapat dua anugerah lain anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Anugerah Pengurusan Aset dan Stor (tempat kedua) dan Anugerah Pengurusan Kewangan (tempat ketiga).



Pemenang Innvasi Perkhidmatan Awam 2002 bergambar bersama Y. Bhg. Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Negara.

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI JABATAN PERPUSTAKAAN NEGARA

Cadangan penyusunan semula struktur organisasi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dikemukakan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 28 September 2000 dan kelulusan diperoleh berkuat kuasa pada bulan Mac 2002. Dengan kelulusan ini, sebanyak 182 Jawatan baru diluluskan bagi memantapkan lagi perkhidmatan PNM di samping memberi peluang kenaikan pangkat kepada warga PNM. Di bawah penstrukturan ini, sebanyak 3 program diwujudkan bersama-sama 6 aktiviti seperti yang berikut:

- Program Pengurusan
 - Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
 - Perancangan dan Perhubungan Korporat
- Program Perkhidmatan Maklumat
 - Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
 - Perkhidmatan Maklumat Umum
- Program Pembangunan Perpustakaan
 - Prasarana ilmu dan Maklumat
 - Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

Berikutan dengan pertumbuhan kakitangan ini, keperluan ruang pejabat juga bertambah. Sehubungan dengan ini, PNM telah menyewa ruang pejabat di Bangunan TH Selborn, Jalan Tun Razak untuk menempatkan beberapa bahagian.

Jawatan Ketua Pengarah dinaikkan taraf daripada gred JUSA C kepada gred JUSA B dan Jawatan Timbalan Ketua Pengarah dinaikkan taraf kepada JUSA C. Beberapa Jawatan kenaikan pangkat turut diluluskan, iaitu 5 Jawatan Pustakawan gred S54 diwujudkan untuk mengetuai aktiviti dan 19 Jawatan gred S48 untuk mengetuai bahagian di bawah aktiviti. Secara keseluruhannya terdapat 23 bahagian. Bahagian-bahagian baru yang telah diwujudkan ialah Bahagian Teknologi Maklumat, Unit Audit Dalam, Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penerbitan, Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, Pusat Bibliografi Negara, Bahagian Khidmat Pelanggan, Bahagian Maklumat Digital Malaysiana, dan Bahagian Pakar Maklumat. Dengan kelulusan ini, Jabatan berkemampuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Pelanggan Perpustakaan.

PERISTIWA PENTING TAHUN 2002

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia menerima penganugerahan Darjah Dato' Paduka Tuanku Ja'afar (D.P.T.J.) Sempena sambutan Hari Ulangtahun Keputeraan Paduka Seri Tuanku Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 19 Julai 2002 di Istana Seri Menanti, Kuala Pilah.



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia menyerahkan cek kepada Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba Sempena Majlis Penyerahan Cek Perpustakaan Awam Negeri di Perpustakaan Negara Malaysia pada 28 Februari 2002.



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid, menerima buku Program Majlis Pelancaran Kempen Membaca Kebangsaan 2002 daripada Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sambil diperhatikan oleh Y.B. Dato' Mahatzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia dan Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rasli dan Haji Baba, Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis disempurnakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 8 Julai 2002.



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia, diiringi oleh Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan T.Y.T Marie T. Huhtala, Duta Besar Amerika Syarikat, kerika melawat Pameran Foto *After September 11; Images From Ground Zero* di ruang pameran PNM pada 20 Mac 2002.

Majlis Menandatangani Surat Aku janji, Pegawai Awam Perpustakaan Negara Malaysia pada 20 dan 21 Januari 2002. Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersalaman dengan Puan Saonah Shairi, Pengarah Bahagian Teknologi Perpustakaan Dan Maklumat.





Sesi Program Sehari Bersama Pelanggan pada 9 Februari 2002.

Perarakan gajah dari Perpustakaan Negara Malaysia menuju ke Istana Budaya Sempena Majlis Pengisytiharan Koleksi Agung Negara, Warisan Dunia di Istana Budaya pada 27 Ogos 2002.



Y.B. Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita Dan Keluarga menyaksikan Pameran *Wanita Obor Negara* anjuran Perpustakaan Negara Malaysia bersama Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di PNM pada 5 September 2002, diiringi oleh Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama Menteri Pendidikan Malaysia, Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad dan lain-lain pemenang pada Majlis Hari Kualiti peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya memenangi Anugerah Pengurusan Aset (tempat ke dua) dan Anugerah Pengurusan Kewangan (tempat ke tiga).



Y.Bhg. Tan Sri Nuraizah Abd. Hamid, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia melawat pameran Sempena Majlis Pelancaran *The 4th Digital Library Conference: Enriching Malaysiana Content for PERDANA* diiringi oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, di ruang pameran PNM pada 17 Disember 2002.



SUMBER PERPUSTAKAAN

PENYERAHAN DI BAWAH AKTA 331

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) menetapkan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara. Akta tersebut mewajibkan setiap penerbit di negara ini menyerahkan 5 naskhah bahan bercetak dan 2 naskhah bahan bukan bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk Pemeliharaan. Melalui penguatkuasaan Akta ini juga, Perpustakaan Negara Malaysia dapat memperkukuh koleksi untuk menyokong penyelidikan dan rujukan.

Sepanjang tahun 2002, sebanyak 8,965 judul bahan Perpustakaan (81,009 naskhah) diterima sebagai bahan serahan di bawah Akta tersebut, iaitu 8,015 judul bahan bercetak dan 950 judul bahan bukan bercetak. Daripada jumlah ini, sebanyak 8,631 judul (47,930 naskhah) hahan Perpustakaan telah didaftarkan, iaitu merangkumi 7,401 judul bahan bercetak dan 1,230 bahan bukan bercetak.

PEMBELIAN

■ Koleksi Monograf

Peruntukan berjumlah RM1,450,000.00 disediakan untuk memperoleh koleksi monograf dan bahan bercetak lain, iaitu RM800,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM650,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Daripada peruntukan ini, sebanyak 25,949 naskhah monograf diperoleh untuk rujukan dan pinjaman pembaca, iaitu 21,140 naskhah bahan terbitan Malaysiana dan 4,809 naskhah bahan terbitan bukan Malaysiana. Bilangan bahan yang dibeli mengikut koleksi adalah seperti di **Jadual I, II** dan **III**.

JADUAL I


JUMLAH MONOGRAF DAN BAHAN BERCETAK LAIN YANG DIBELI MENGIKUT KOLEKSI

Koleksi	Judul	Naskhah
Malaysiana		
•Rujukan	5,971	8,736
•Pinjaman	7,096	12,404
Bukan Malaysiana		
•Rujukan	1,581	1,685
•Pinjaman	1,257	3,124
Jumlah	*15,905	25,949

* Terdapat pertindihan judul bagi koleksi rujukan dan pinjaman Malaysiana


JADUAL II

TAMBAHAN TAHUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA MENGIKUT BENTUK BAHAN 2000-2002



JADUAL III

JUMLAH KUMULATIF KOLEKSI
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
MENGIKUT BENTUK BAHAN 2000-2002



■ Koleksi Peribadi

Koleksi PNM juga diperkukuh dengan perolehan dua koleksi peribadi yang mengandungi 10,345 bahan yang terdiri daripada pelbagai jenis bahan. Koleksi peribadi yang diperoleh ialah:

- Koleksi Peribadi Zainal Buang Hussein, iaitu seorang tokoh kartunis, pelukis, ilustrator dan novelis. Koleksi ini mengandungi 1,161 bahan himpunan karya Tuan Haji Zainal Buang Hussein yang terdiri daripada lukisan asli, kartun (karikatur), manuskrip novel, *art print*, foto, surat peribadi dan bahan lain.
- Koleksi Peribadi Allahyarham Tuan Haji Abdul Karim Haji Abdullah (Bung Karim), iaitu seorang penulis, penyelenggara dan pendokumentasi dalam bidang sastera dan budaya. Koleksi Bung Karim merupakan himpunan karya beliau sendiri dan karya orang lain yang mengandungi 8,184 bahan yang terdiri daripada manuskrip, surat, buku, tesis, laporan, video, kaset dan bahan lain.

■ Terbitan Bersiri

Sejumlah RM454,300.00 disediakan daripada peruntukan Belanja Mengurus untuk melanggan terbitan bersiri seperti majalah, Jurnal, surat khabar, laporan tahunan, direktori, akta, cakera padat dan bahan dalam talian. Di samping itu, sejumlah RM350,000.00 daripada Belanja Pembangunan diperuntukkan untuk pemantapan Koleksi Terbitan Bersiri.

Sebanyak 11 judul baru dilanggan pada tahun 2002 menjadikan sebanyak 190 judul Jumlah terbitan bersiri yang dilanggan. Koleksi Terbitan Bersiri telah bertambah dengan perolehan 362 torak mikrofilem surat khabar Malaysiana dan 80 unit cakera padat.

■ Sumber Media

Sebanyak 1,481 bahan sumber media diterima melalui Akta dan 1,352 bahan sumber media diperoleh melalui Pembelian. Sehingga tahun 2002, koleksi bahan sumber media berjumlah 71,061 bahan.

■ Manuskrip Melayu

Peruntukan berjumlah RM350,000.00 disediakan untuk memperoleh manuskrip Melayu, iaitu RM 150,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM200,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 237 naskah manuskrip Melayu dalam bentuk asal diperoleh.

HADIAH DAN PERTUKARAN

Tujuan utama aktiviti hadiah dan pertukaran adalah untuk membina koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang diterbitkan di dalam dan di luar negara merangkumi buku, terbitan bersiri dan juga bahan bukan buku. Bahan yang diterima adalah sumbangan orang perseorangan dan institusi. Sekiranya ada bahan lebihan, bahan berkaitan diagihkan kepada institusi yang kekurangan bahan Perpustakaan seperti sekolah, pertubuhan kerajaan dan Pertubuhan bukan kerajaan. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 2,482 bahan diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan dijadikan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Sementara itu, sebanyak 13,239 bahan yang diterima diagihkan semula kepada institusi lain yang memerlukannya. Ini termasuk bahan Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia sendiri yang diagihkan kepada 495 buah Perpustakaan yang terdiri daripada Perpustakaan di bawah skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Perpustakaan khusus dan Perpustakaan akademik.

■ Koleksi Bangsa-Bangsa Bersatu

Perpustakaan Negara Malaysia ialah pusat penyerahan bahan terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk daripada Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Tabung Kanak-kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) dan lain-lain. Pada tahun 2002, sebanyak 2,615 bahan yang terdiri daripada monograf, terbitan bersiri dan terbitan lain didokumentasikan untuk rujukan.

PERKHIDMATAN MAKLUMAT

MAKLUMAT MALAYSIANA

- Rujukan Malaysiana


Teras perkhidmatan Perpustakaan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia ialah perkhidmatan rujukan Malaysiana. Sepanjang tahun 2002, usaha untuk memperkukuhkan keupayaan Perpustakaan ini sebagai Pusat Keccmclangan Sumber Ilmu Malaysiana dilakukan melalui penyusunan semula organisasi, pemantapan koleksi dan perkhidmatan yang disediakan. Selain menjamin pematuhan kepada prusedur kualiti yang ditetapkan di bawah MS ISO 9002 dalam pengurusan perkhidmatan yang disediakan, penilaian program di bawah Belanjawan Yang diubahsuai ke atas Aktiviti Perkhidmatan Maklumat juga dilaksanakan. Ini bertujuan untuk mengukur kesesuaian dan keberkesanan perkhidmatan Perpustakaan yang disediakan untuk orang ramai. Laporan lengkap penilaian ini dijangka siap awal tahun hadapan.

Pada tahun 2002, seramai 54,189 pembaca menggunakan perkhidmatan Malaysiana dengan merujuk 238,035 bahan (Jadual IV). Sejumlah 905 bahan dipinjam di bawah Sistem Pembekalan Penerbitan dan sebanyak 21,976 pertanyaan rujukan diterima dan dijawab.

Satu kajian rintis bagi mengenaipasti keperluan maklumat komuniti terpilih kawasan Lembah Kelang dijalankan pada bulan Mac 2002 di bawah pembiayaan UNESCO. Kajian dijalankan di bawah kawasan Taman Sri Kramat, Kampung Baru dan Kampung Medan. Dapatan daripada kajian itu akan dijadikan asas untuk memulakan Perkhidmatan maklumat Komuniti. Ini akan disusuli dengan menggalakkan Perpustakaan awam dan Perpustakaan pihak berkuasa tempatan memulakan perkhidmatan yang sama bagi kepentingan komuniti setempat. Sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Merdeka 2002, Jabatan ini berjaya membangunkan pangkalan data *Bibliografi Perdana Menteri* yang dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd Khir, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan. Bibliografi ini memuatkan judul buku, artikel majalah/jurnal, surat khabar dan sumber elektronik yang ditulis oleh atau tentang empat Perdana Menteri Malaysia yang pernah memimpin negara ini, yang diterbitkan di dalam dan di luar negara, ucapan dan foto dari koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dan koleksi Perpustakaan agensi lain seperti Arkib Negara dan Universiti tempatan.

JADUAL IV

BAHAN DIRUJUK MENGIKUT BAHAGIAN 2002



Sambutan Bulan Merdeka yang menjadi acara tahunan Jabatan ini juga diisi dengan beberapa acara lain termasuk Pameran Bangsa Berjiwa Merdeka (15 Ogos- 16 September 2002), Carian Maklumat Merdeka atau *Info hunt* Merdeka (15 Ogos-17 September 2002), Pameran Koleksi Agung Negara, Warisan Dunia (19 Ogos - 2 September 2002), Bicara Buku Bertemakan Kemerdekaan (14 September 2002) dan Majlis Berbalas Pantun (28 September 2002)



Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Merdeka yang dirasmikan oleh Y.B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 Ogos 2002.

Sempena Minggu Kualiti Kementerian Pendidikan, Perpustakaan Negara Malaysia menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia 2002. Dalam pertandingan ini, Perpustakaan Negara Malaysia mempromosikan Pameran Mayanya yang dikenali sebagai "Yang Pertama". Walaupun Perpustakaan Negara Malaysia gagal memenangi pertandingan itu, namun Perpustakaan Negara Malaysia berjaya mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Gerai Pameran Inovasi yang diadakan di Mid Valley Mega Mall, dari 22 hingga 24 Oktober, 2002

• Terbitan Bersiri

Perkhidmatan Terbitan Bersiri Malaysiana membekalkan maklumat daripada terbitan bersiri dalam negara, sementara perkhidmatan Terbitan Bersiri Umum pula membekalkan maklumat daripada terbitan bersiri luar negara.

Terbitan bersiri boleh didapati dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak. Maklumat Tadbiran Bersiri boleh dicapai melalui pangkalan data dalam talian yang dilanggan seperti *NSTP e-Media*, *LaivNet*, *Proquest Online*, *Malayan Law Journal Online* dan melalui bahan cakera padat seperti *General Periodicals Ondisc* (GPO) dan *Business Periodicals Ondisc* (WO).

Dalam tahun 2002, Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat Terbitan Bersiri menerima sebanyak 251270 pertanyaan, iaitu 19,930 pertanyaan rujukan Malaysiana dan 5,340 pertanyaan rujukan umum.

Seramai 69,353 pembaca menggunakan Perkhidmatan Terbitan Bersiri dan merujuk kepada 156,954 naskhah terbitan bersiri iaitu 147,824 terbitan bersiri Malaysiana, dan 9,130 terbitan bersiri umum.

• Sumber Media

Dalam Tahun 2002, Perkhidmatan Sumber Media menerima sebanyak 9,325 pengunjung di mana sebanyak 5,978 bahan dimujuk dan sebanyak 603 pertanyaan rujukan dipenuhi. Program tayangan video dan juga televisyen ASTRO yang meliputi pelbagai program seperti CAW, Sukan, Discovery dan *National Geographic* juga ditayangkan kepada pembaca pada setiap bari Sabtu dan Ahad, termasuk sepanjang cuti penggal persekolahan. Rangkaian TNT/*Cartoon Network*, *Discovery* dan *Disney* juga disalurkan kepada Perpustakaan Kanak-kanak.

MAKLUMAT DUNIA

• Perkhidmatan Rujukan Umum

Perkhidmatan Rujukan Umum bertanggungjawab menyediakan bahan rujukan monograf terbitan luar negara dalam semua bidang perkara. Perkhidmatan ini juga menyediakan kemudahan untuk mencapai maklumat elektronik melalui Internet, pangkalan data dalam talian dan cakera padat. Selain itu, Perkhidmatan Rujukan Umum bertanggungjawab menyediakan koleksi khas seperti terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Koleksi Sudut Harvard untuk rujukan pembaca Perpustakaan.

Pada tahun 2002, seramai 49,029 pembaca menggunakan perkhidmatan rujukan umum sebanyak 125,642 bahan dirujuk. Jumlah pertanyaan rujukan yang di terima dan dijawab melalui perkhidmatan ini mencapai 12,355 pertanyaan.

Sempena *Hari Buku dan Hakcipta Sedunia* pada 23 April 2002, Bahagian Rujukan Umum menjadi Urus Setia kepada Pameran *Perlindungan Hakcipta: Ke Arah Memenuhi Standard. Antarabangsa dan Ceramah Perlindungan Hakcipta dan Perkhidmatan Perpustakaan: Isu dan Cabaran*. Bahagian Rujukan Umum juga menghasilkan dua Penerbitan, iaitu *Bibliografi ASEAN* dan *Direktori Laman Web Perpustakaan di Malaysia*. *Bibliografi ASEAN* diterbitkan secara usaha sama dengan Jabatan Muzium dan Anrikuiti Sempena Pameran ASEAN 35 Tahun - Pembangunan Berterusan di Muzium Negara dari 5 hingga 15 Ogos 2002. *Direktori laman Web Perpustakaan di Malaysia* dilancarkan sempena Majlis Perasmian Sambutan Minggu QPNM 2002 pada 28 Oktober 2002.

• Perkhidmatan Maklumat Elektronik

Seramai 4,541 pembaca menggunakan perkhidmatan ini sepanjang tahun 2002. Melalui perkhidmatan ini pembaca boleh mencapai Internet, pangkalan data dalam talian dan (ID-ROM. Pangkalan data yang boleh dicapai oleh pengguna melalui perkhidmatan ini termasuk *Encyclopedia Britannica Online*, *Bername library and Infolink Services* (BLISJ, *Asia Or/line*, *Palmoilis*, *Culturelink*, *MasticLink*, *Sirimlink* dan *BOND*.

• Perkhidmatan Pempakejan Maklumat

Perkhidmatan Pempakejan Maklumat dalam pelbagai bidang perkara atau topik disediakan atas permintaan dan

jangkaan permintaan pembaca Perpustakaan . Pada tahun 2002, sebanyak 12 topik pempakejan maklumat disediakan, merangkumi pelbagai bidang perkara seperti *e-dagang, Bermuda Triangle, OPEC, Metadata. Fotomk dan k-ekonomi.*

• **Perkhidmatan Pendidikan Pengguna**

Perkhidmatan ini bertujuan untuk menggalakkan literasi maklumat, iaitu kebolehan mengesan dan mengaplikasikan maklumat dikalangan pengguna Perpustakaan. Sepanjang tahun 2002 sebanyak 12 sesi Bengkel Mencroka R-Maklumat secara berjadual diadakan untuk 290 peserta terdiri daripada pelajar sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan maklumat elektronnik dan meningkatkan kebolehan mencapai maklumat melalui internet dengan lebih berkesan.

• **Perkhidmatan Koleksi Khas**

Perkhidmatan ini menyediakan dua koleksi khas, iaitu koleksi terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Koleksi Sudut Harvard. Pada tahun 2002, sebanyak 2,615 terbitan PBB dan 2,962 bahan Koleksi Sudut Harvard dirujuk oleh pembaca perpustakaan.


PUSAT MANUSKRIP MELAYU

Pusat Manuskrip Melayu yang diruhuhkan pada tahun 1985 bertanggungjawab untuk membina koleksi manuskrip Melayu, mendokumen, memulihara, menyediakan perkhidmatan dan menyebarkan ilmu yang terkandung di dalamnya melalui pameran dan penerbitan.

Pusat Manuskrip Melayu memberikan perkhidmatan kepada 1 17 orang pnyelidik yang merujuk 298 naskhah asal manuskrip Melayu dan 94 manuskrip dalam bentuk salinan mikrofilem. Sebanyak 725 pertanyaan rujukan ringkas dan 365 pertanyaan penyelidikan diterima dan dijawab seperti di **Jadual V.**

JADUAL V

PERTANYAAN RUJUKAN YANG DITERIMA MENGIKUT BAHAGIAN 2000-2002



GERAKAN MEMBACA

'Iqra' merupakan perkataan pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang bermakna bacalah. Sejarah membuktikan bahawa pembacaan dan literasi merupakan isu penting yang perlu ditangani bagi memajukan masyarakat. Selaras dengan golongan sasaran Kempen Membaca Kebangsaan 2002, iaitu belia dan remaja, slogan pembacaan yang dipilih pada tahun 2002 ialah *baca@gayahidup*, Slogan ini menonjolkan 2 aspek terpenting yang harus dipupuk untuk menjayakan matlamat membina sebuah negara Malaysia yang maju Selaras dengan Wawasan 2020, iaitu kesedaran yang ringgi akan kepentingan ilmu serta menjadikan amalan membaca sebagai satu gaya hidup. Penggunaan simbol @ bolch dikaitkan dengan Internet dan penguasaan sumber maklumat IT.

Lifestyle of Wawasan adalah eogan iklan (*tagline*) sampingan bagi menjelaskan dengan lebih inendalam maksud *baca@gayahidup*, Selaras dengan ciri kemajuan Wawasan 2020. Penggunaan bahasa Inggeris ini merupakan kesedaran baru tentang penggunaan satu bahasa yang digunakan secara meluas diseluruh dunia.



Y.B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia menyampaikan cenderamata kepada Siti Nurhaliza Taruddin, penyanyi popular tanahair yang turut menjayakan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Membaca 2002 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra sambil disaksikan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.




Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung melawat pameran bersempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Membaca 2002 di Pusat Dagangan Dunia Purra.

■ Perkhidmatan Hipermedia Kanak-Kanak

Mulai awal tahun 2002, Pusat Sumber Hipermedia menggunakan perisian Windows menggantikan Macintosh bagi lima sudut perkhidmatan kanak-kanak, iaitu sudut cerita, seni, sains, rakaman, kreatif dan muzik, bertujuan untuk meningkatkan kreativiti kanak-kanak menerusi penggunaan komputer. Pada tahun 2002, seramai 102,937 pengguna mengunjungi Perpustakaan kanak-kanak dan 26,661 daripadanya menggunakan perkhidmatan ini seperti di Jadual VI.

JADUAL VI

PENGGUNAAN PUSAT SUMBER HIPERMEDIA KANAK-KANAK 2000-2002



■ Pendaftaran Pembaca

Kempen Keahlian Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2002 bermula daripada 16 Mac 2002 hingga 30 September 2002. Pada tahun ini, kempen ini diperluas dengan melibatkan semua Perpustakaan Awam Negeri. Kempen keahlian dijalankan di tempat berikut:


- Hari Belia 4B di Tanjung Karang, Selangor pada 16 Mac 2002, seramai 310 ahli mendaftar.
- Sck. Keb. Bandar Tun Razak 1 pada 11 April 2002, seramai 253 ahli mendaftar.
- Persidangan UMNO di Pusat Latihan Perindustrian Jalan Klang Lama, K. I. pada 27 April 2002, seramai 20 ahli mendaftar.
- Mid Valley Mega Mall K.L. pada 20 Julai 2002, seramai 79 ahli mendaftar.
- SK Wangsa Maju RIO pada 24 Julai 2002, seramai 361 ahli mendaftar.

- ✓ SMK Desa Tun Hussein Onn pada 30 Julai 2002, seramai 121 ahli mendaftar.
- ✓ BERNAMA pada 31 Julai 2002, seramai 102 ahli mendaftar.
- ✓ UKM, Bangi pada 3 Ogos 2002, seramai 153 ahli mendaftar.
- ✓ IASL, PJ Hilton pada 5 Ogos 2002, seramai 166 ahli mendaftar. Majlis Olimpik Malaysia pada 22 September 2002, seramai 112 ahli mendaftar.
- ✓ SK Tainan Sri Rampai pada 26 September 2002, seramai 286 ahli mendaftar.
- ✓ Pameran Inovasi Kem. Pendidikan di Mid Valley Mega Mall pada 22 - 24 Oktober 2002, seramai 1,001 ahli mendaftar.
- ✓ KLCC dari 16 hingga 28 Disember 2002, seramai 191 ahli mendaftar.

Melalui kempen ini, Jumlah ahli baru adalah sebanyak 51,677 orang berbanding 63,928 pada tahun 2001, seramai 7,156 daripadanya adalah kanak-kanak, 44,520 dewasa, 4,083 keluarga dan 643 warganegara asing. Jumlah kumulatif pembaca sehingga 2002 adalah seramai 338,777 orang seperti di **Jadual VII**.

JADUAL VII

JUMLAH PEMBACA BERDAFTAR
2000-2002




● **Pinjaman**

Perpustakaan Negara Malaysia menyediakan kemudahan pinjaman melalui perkhidmatan dari premis Perpustakaan Negara Malaysia dan pinjaman berkelompok. Pada tahun 2002, sebanyak 284,258 naskhah dipinjamkan seperti di **Jadual VIII**. Daripada Jumlah tersebut, sebanyak 276,270 naskhah dipinjam dari Perpustakaan Negara Malaysia, yang mana sebanyak 166,389 naskhah adalah daripada koleksi dewasa dan 109,881 naskhah dari koleksi kanak-kanak. Sebanyak 7,998 naskhah pula dipinjam melalui perkhidmatan berkelompok seperti di **Jadual IX**.

JADUAL VIII

JUMLAH BAHAN BACAAN YANG
DIPINJAM 2000-2002



JADUAL IX

JUMLAH BAHAN YANG DIPINJAM
2000-2002

Tahun / Kategori	2000	2001	2002
PUSAT	362,688	286,181	276,270
POS	170	7	-
KELOMPOK	6,204	9,733	7,998
SPP	798	983	905

- Bulan Membaca

Bulan Membaca Kebangsaan 2002 yang disambut selama sebulan bermula dari 1 Julai 2002 hingga 31 Julai 2002 merupakan kemuncak Kempen Membaca Kebangsaan 2002. Pelbagai program dan aktiviti menarik diadakan bagi menggalakkan masyarakat, terutamanya belia dan remaja, untuk menjadikan amalan membaca sebagai satu gaya hidup mereka.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang Bulan Membaca 2002 ialah:

- Aktiviti Bacaan Kegemaran Saya

Program Bacaan Kegemaran Saya diadakan sebanyak 21 kali bermula dari 1 Julai 2002 hingga 31 Julai 2002.



T.Y.T Mr. Daniel Mulhall, Duta Ireland ke Malaysia menerima cenderamata daripada Puan Nurpishah Mohd.. Noor, pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bagi menghargai penglibatan beliau di dalam Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS)



Encik Reza Yusof dijemput sebagai pembicara buku berjudul *The Hobbit* dalam Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) yang berlangsung di Bilik Syarahan, Perpustakaan Negara Malaysia.



Majlis Pelancaran Buku *The Royal Commoner: The Life and Times of Imam Penang Jabor* pada 1 Julai 2002 di Perpustakaan Negara Malaysia yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Arshad Ayob, Pro-Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

- Pelancaran

- Majlis Pelancaran CD ROM *Siri Pendidikan Al-Asr KBSR Tahun 4* diadakan pada 5 Julai 2002.
- Majlis Pelancaran Buku *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* diadakan pada 12 Julai 2002.
- *Fun Learning* diadakan dari 13 Julai 2002 hingga 21 Julai 2002.
- Majlis Pelancaran Buku *Masalah Remaja Daripada Keluarga Ibu Tunggal* diadakan pada 31 Julai 2002.
- Majlis Pelancaran Buku *The Royal Commoner: The Life and Times of Imam Petang Jabor* dan Majlis Penyampaian Hadiah diadakan pada 31 Julai 2002.

- Pameran

- Pameran *baca@gayahidup* bermula dari 18 Julai 2002 hingga 15 Ogos 2002.

- Ceramah

- Ceramah *How to Improve Your Word Power and Write Better* oleh Encik Peter Dockrill, *Editor-in-Chief, Reader's Digest English Asia Edition* diadakan pada 1 Julai 2002.

- Ceramah *Peluang-peluang Pendidikan dan Kerjaya di Bidang Kepustakawanan* diadakan pada 13 Julai 2002.



Ceramah kerjaya *Peluang-peluang Pendidikan dan Kerjaya di Bidang Kepustakawanan* telah diadakan di SMJK, Kapar, Klang pada 13 Julai 2002.

- **Bengkel**

- *Bengkel Meneroka E-Maklumat* diadakan sebanyak 4 kali, iaitu pada 4, 11, 18 dan 25 Julai 2002.
- *Jejak IT 1 dan 2* diadakan pada 12 dan 26 Julai 2002.
- *Bengkel Keibubapaan Anak Remaja* diadakan dari 13 hingga 14 Julai 2002.

- **Seminar**

- *Seminar Penerbitan Elektronik: Cabaran dari Peluang dalam Sebari Bersama Penerbit (Siri Keempat)* diadakan pada 25 Julai 2002.
- *Wacana Daya Cipta Sains Melalui Pembacaan* diadakan pada 27 Julai 2002.

- **Pertandingan**

- Pertandingan *Cereka Kartun* berlangsung dari 21 Jun 2002 hingga 30 September 2002.
- Pertandingan *Carian Maklumat Dalam Talian (Infohunt)* diadakan dari 1 Julai 2002 hingga 15 Julai 2002.

- Pertandingan *Warna Ajaib* diadakan pada 27 Julai 2002.
- Pertandingan *Dendangan Syair dengan Iringan Taridra* diadakan pada 28 Julai 2002.

- **Hari Kanak-kanak Sedunia**

Hari Kanak-kanak Sedunia peringkat Perpustakaan Negara Malaysia disambut secara meriah pada 12 Oktober 2002 di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia. Pelbagai acara menarik seperti pertunjukan badut / silap mata, Persembahan koir, snarama, Persembahan dikir barat dan sesi bercerita dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diadakan. Tema Hari Kanak-kanak Sedunia pada tahun ini adalah 'Hayatilah dan Lindunglah Hak Kami'.

- **Kem Komputer**

Kem Komputer 2002 dijalankan dengan jayanya di bawah rajaan Exxon Mobil Malaysia. Kem Komputer ini diadakan bermula dari 8 September 2002 hingga 14 September 2002 di Pusat Sumber Hypermedia, Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 26 kanak-kanak daripada masyarakat orang asli yang berumur antara 10 hingga 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Sungai Sampo, Jempul, Negeri Sembilan menyertai Kem Komputer ini.



Aksi menarik peserta Pertandingan *Dendangan Syair dengan iringan Taridra* yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia pada 28 Julai 2002



PENDOKUMENTASIAN DAN PANGKALAN DATA

PENDOKUMENTASIAN

■ Monograf

Sebanyak 15,194 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam dan luar negara telah dikatalog dan 49,484 naskhah diproses untuk rujukan dan pinjaman pembaca. Bahan ini terdiri daripada 43,195 naskhah bahan Malaysiana dan 6,289 naskhah bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 3,026 kertas kerja daripada 309 Persidangan/seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan dalam pangkalan data PANCARAN MENTARI.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP), sebanyak 2,348 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia disediakan. Judul ini dipromosikan melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan pemilihan/perolehan Perpustakaan dan pusat sumber maklumat serta rujukan orang ramai. Sehingga akhir tahun 2002, sebanyak 692 penerbit tempatan menyertai perkhidmatan ini dan 44 adalah penerbit baru.

■ Terbitan Bersiri

• Pengkatalogan dan Pengkelasan

Sebanyak 418 judul terbitan bersiri telah dikatalog dan dikelaskan.

• Pengindeksan majalah dalam negara

Sebanyak 130 judul majalah tempatan mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 1,989 artikel diindeks dan boleh dicapai dalam talian.

• Pengindeksan majalah bukan Rumi

Sebanyak 20 judul majalah tempatan dalam Bahasa Cina dan Tamil dikesan mengandungi artikel penting dan daripadanya sebanyak 422 artikel diindeks.

• Pengindeksan majalah luar negara

Sebanyak 34 majalah luar negara dikesan mengandungi artikel penting dan daripadanya sebanyak 114 artikel diindeks.

• Pangkalan data indeks dalam talian

Pancaran Mentari ialah pangkalan data yang dtkemas kini oleh perkhidmatan Terbitan Bersiri yang boleh dicapai dalam talian melalui sistem bersepadu Perpustakaan *Virginia Tech Library System (VTLS)*. *Pancaran Mentari* mengandungi maklumat:

- Artikel terpilih yang diindeks dari majalah terbitan Malaysia yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* (Akta 331) sejak tahun 1992.
- Artikel terpilih tentang Malaysia diindeks dari majalah luar negara sejak tahun 1997.

PANGKALAN DATA

Pada akhir tahun 2002, pangkalan data dalam talian yang dibina menggunakan *Virginia Tech Library System (VTLS)* ialah :

- BINAR yang mengandungi 305,035 rekod bibliografi Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dengan tambahan 14,746 rekod bagi tahun 2002.
- Bibliografi Negara Malaysia (BNM) mengandungi 55,525 rekod bibliografi bahan Perpustakaan yang diterima di bawah *Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1966* dan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*. Sebanyak 4,782 rekod adalah *input* 2002.
- PANCARAN MENTARI mengandungi 50,982 rekod indeks.



Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia sedang mengakses maklumat dari pangkalan data PMM sambil diperhatikan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

SISTEM PERPUSTAKAAN DIGITAL NASIONAL (PERDANA)

Sistem PERDANA merupakan projek usaha sama di kalangan sektor Perpustakaan, iaitu Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Akademik, Perpustakaan Khusus, Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Institusi Penyelidikan; *Multimedia Development Corporation* (MDC) dan Telekom Malaysia untuk mengenengahkan sumber ilmu digital tempatan yang dibentuk atau dilanggan oleh semua Perpustakaan bagi memudahkan capaian oleh semua rakyat Malaysia.

Matlamat projek PERDANA ini adalah untuk mengecilkkan jurang digital antara Perpustakaan agar usaha membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dapat direalisasikan.

Untuk melaksanakan projek ini, satu portal yang dikenali sebagai *Mylib* telah dibina. Melalui *Mylib*, pangkalan data elektronik komersial, tesis Universiti, katalog Perpustakaan, abstrak dan indeks serta sumber lain yang khusus boleh dicapai di alamat <http://www.mylib.com.my>.

Pada tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia memperbaharui langganan pangkalan data komersial melalui Konsortium Perpustakaan Negara bagi membolehkan Perpustakaan kecil menggunakan perkhidmatan ini. Langganan pangkalan data ini dapat dimanfaatkan oleh 72 Perpustakaan. Pangkalan data yang dapat dicapai ialah *ProQuest*, *RBSCO*, *CLJ Legal Network*, *BOND*, *Masticlink*, *Sirimlink* dan *PalmOilis*.

Pada 15 Mei 2002, pihak MDC menyerahkan pengurusan dan penyelenggaraan projek Sistem PERDANA kepada Perpustakaan Negara Malaysia. Pihak MDC juga mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada 29 Mac 2002, Perpustakaan Negara Malaysia menerima surat Sokongan dari Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mendapatkan khidmat Pakar Runding bagi Sistem PERDANA. PNM mengenai pasti sebuah syarikat yang bertaraf MSC untuk dilantik sebagai pakar runding. PNM juga mendapat persetujuan dari MAMPU dan Kementerian Kewangan untuk melantik perunding bagi

melaksanakan kajian sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA).

Perlantikan Pakar Runding diselesaikan pada penghujung tahun 2002 bagi membolehkan pakar runding berkenaan melaksanakan kajian Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) pada Januari 2003.

4th DIGITAL LIBRARY CONFERENCE: ENRICHING MALAYSIANA CONTENT FOR PERDANA

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia telah mengaturkan Persidangan *4th Digital Library Conference: Enriching Malaysiana Content for PERDANA* pada 17-19 Disember 2002 di Auditorium PNM, Kuala Lumpur. Tema ini dipilih bagi mempromosikan dan mempertontonkan usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat bagi memperkayakan kandungan tempatan.

Persidangan tersebut telah dirasmikan oleh Tan Sri Datuk Nuraizah Abdul Hamid, Pengerusi Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia. Sebanyak 28 kertas kerja telah dibentangkan di Persidangan ini meliputi tajuk seperti pembangunan sumber manusia, rangka perundangan dan isu undang-undang, teknologi, pembinaan kandungan digital, standard digital, Perancangan ruang dan perlesenan dan konsortium.

Seramai 203 peserta yang terdiri daripada pustakawan, pengguhal polisi, pengurus maklumat, pegawai dari sektor awam dan swasta, penerbit buku, pensyarah dan pelajar bidang sains Perpustakaan dan maklumat telah menghadiri Persidangan ini.

Pameran mengenai *Digital Library Solutions and Applications* telah diadakan di ruang pameran PNM Sempena Persidangan Perpustakaan Digital Ke-IV dan disertai oleh 15 pembekal *IT Solution Providers*.



Peserta Seminar *The 4 Digital Library Conference : Enriching Content for PERDANA* tekun mendengar pembentangan kertas kerja di seminar tersebut.

PROJEK PERPUSTAKAAN DIGITAL ISLAM (PERDIM)

Idea untuk menubuhkan Sistem Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa ini timbul di mesyuarat *Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia* pada tahun 2000. Lanjutan itu, Ketua Setiausaha Negara ketika itu mengemukakan Cadangan ini kepada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk dikaji konsep dan pelaksanaannya.

Objektif Projek Perpustakaan Digital Islam adalah seperti yang berikut :

- Untuk menjadi pusing rujukan bagi perkara yang berkaitan dengan Islam.
- Untuk membekalkan sumber maklumat yang autoritatif tentang Islam kepada umat Islam dan bukan Islam.
- Untuk menjelaskan dan memberikan kesedaran tentang Islam,

Satu kertas konsep yang dihasilkan berikutan siri percambahan fikiran telah diedarkan kepada pemimpin institusi Islam dalam negara untuk pertimbangan. Maklum balas bertulis diterima dari Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Angkatan Belia Islam Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia). Semua institusi berkenaan memberikan pandangan positif dan bersetuju dengan penubuhan portal ini.

Satu Seminar Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa diadakan pada 29 Ogos 2002 di Cyberview Lodge, Cyberjaya untuk mendapatkan maklum balas tentang kandungan portal. Peserta seminar terdiri daripada wakil dari ISTAC, UNITAR, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Ulama Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam & Moral, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Unit Perancang Ekonomi (EPU), PERKIM, UM, UIAM, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), Multimedia Development (Corporation (MIX), DRB Hicom dan Alam Teknokrat Sdn. Bhd.

Seminar bersetuju Perpustakaan Negara Malaysia mencraju projek ini bersama dengan MDC. Permohonan bagi mendapatkan permit ukan bagi melaksanakan projek ini akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi.

Seminar ini juga bersetuju Perpustakaan Digital Islam Antarabangsa ini dipersembahkan di Sidang Kemuncak *Organisation of Islamic Countries (OIC)*, ke-10 pada 11-17 Oktober 2003, di Pusat Konvensyen Putrajaya.

PENDIGITAN SUMBER PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia memperoleh sistem Pendigitan bagi Jabatan pada bulan November 1998 dengan menggunakan peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-7.

Sistem pendigitan bagi Jabatan ini berfungsi untuk menguruskan pangkalan data maklumat digital secara teks penuh bagi sumber Perpustakaan terpilih seperti artikel dari akhbar tempatan yang sering dirujuk oleh pengguna, manuskrip Melayu, bahan nadir dan koleksi peribadi. Selain ini, ia juga digunakan untuk menyimpan terbitan Jabatan seperti *Laporan Tahunan*, *Buletin Perpustakaan Negara Malaysia* (Pustaka), terbitan Persatuan Sejarah Malaysia dan artikel surai khabar tentang perpustakaan dan pembacaan. Sehingga kini, sebanyak 500 judul manuskrip Melayu, 1 judul koleksi peribadi, *Laporan Tahunan PNM* dari tahun 1966 - 1980, 11 judul *Pustaka* dan 30 judul artikel dari akhbar tempatan telah dibuat Pendigitan dalam sistem ini.

Pada awal tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia mendapat kelulusan Kementerian Kewangan dan

MAMPU untuk menaik taraf Sistem Pendigitan Jabatan mengikut fasa yang melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM459,000.00. Dengan itu, beberapa perkakasan baru diperolehi pada bulan April 2002 yang melibatkan kos sebanyak RM 150,000.00.

Antara perkakasan tersebut adalah seperti yang berikut:

- Storan Bergabung Rangkaian (*Network Attached Storage - NAS*)
- Pelayan
- Stesen kerja
- Pengimbas Slaid
- Hab Suis
- Bekalan Kuasa Tanpa Gangguan (UPS)

Beberapa mesyuarat diadakan untuk mengkaji kategori dan butiran bibliografi yang sedia ada dalam Sistem pendigitan Jabatan. Ia bertujuan untuk memastikan medan bibliografi dalam sistem tersebut memenuhi keperluan Jabatan.

Manuskrip Melayu Dalam Talian menggunakan Sistem Pendigitan Jabatan dirasmikan oleh Yang Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Almarhum Tengku Abdul Rashid Sempena Pelancaran Kempen Galakan Membaca Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2002 pada 8 Julai 2002 di PWTC.



Kursus Perubahan Minda ke Arah Kecemerlangan Diri bagi Kumpulan Sokongan PNM telah diadakan pada 26 - 28 Februari 2002.



Peserta MTCP melawat Perpustakaan Awam Negeri Perak di Ipoh, pada 13 Ogos 2002.


PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Jabatan ini sentiasa berusaha memulihara koleksi Perpustakaan, terutamanya manuskrip Melayu dan bahan nadir Malaysiana, bertujuan mengekalkan hayat bahan dan keadaan fizikalnya. Di samping itu, salinan mikrofilem turut disediakan khasnya surat khabar tempatan, manuskrip dan bahan nadir untuk rujukan pengguna dan untuk memelihara teks, memanjangkan hayat bahan dan membantu penyelidikan.

Pelbagai bahan Perpustakaan dipelihara. Jumlah bahan yang berjaya diawet, dijilid dan dimikrofilem adalah seperti di **Jadual X**.

JADUAL X

BAHAN PERPUSTAKAAN DIJILID, DIAWET DAN DI MIKROFILEM 1998-2002



AKTIVITI PEMULIHARAAN

■ Pengawetan Manuskrip Melayu

Lazimnya bahan manuskrip Melayu yang diperoleh adalah dalam keadaan rosak teruk dan hampir reput. Bagi menyelamatkan koleksi ini, tindakan pengawetan perlu dilakukan.

Pada tahun 2002, sebanyak 309 naskhah manuskrip Melayu pula diwasap secara kontrak luar bagi memusnahkan serangan kulat dan serangga. Sebanyak 3,387 helaian manuskrip diawet (41 naskhah dijilid). Sebanyak 2,080 helaian diawet mengikut teknik pembaikan tisu (*Machine Made Roll Tissue*) dan 1,307 helaian lagi mengikut cara pembaikan teknik *leafcasting*, dengan peningkatan sebanyak 501 helaian atau 17% jika dibandingkan dengan tahun 2001.

■ Pengawetan Bahan Nadir

Bahan nadir yang diawet pada tahun 2002 adalah sebanyak 12,727 helai (sebanyak 91 naskhah dijilid semula).

AKTIVITI REPROGRAFI

Penukaran format bahan bercetak kepada bentuk mikrofilem masih giat dijalankan oleh Jabatan ini, walaupun teknologi digital berkembang pesat kerana bentuk mikrografi terbukti utuh dan kekal lebih lama. Dalam tahun 2002, sebanyak 79,244 kaki mikrofilem disediakan. Daripada Jumlah ini, sebanyak 10,251 kaki adalah bahan manuskrip Melayu, 956 kaki bahan nadir dan 68,037 kaki adalah untuk 7 judul surat khabar tempatan.

Dalam tahun 2002, sebanyak 267 aktiviti diadakan di Jabatan ini yang dirakamkan dalam 9,480 keping foto.

AKTIVITI PENJILIDAN

Sebanyak 2,228 naskhah bahan nadir dijilid termasuk kertas seminar, buku, majalah dan warta kerajaan. Ia dilakukan supaya bahan lebih utuh dan mudah dirujuk oleh pengguna.

PERKHIDMATAN SOKONGAN

■ Khidmat Nasihat

Sepanjang tahun 2002, lawatan khidmat nasihat ke 3 buah Perpustakaan telah diadakan. Perpustakaan yang dilawati ialah:

- Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Perpustakaan Jabatan Peguam Negara, Putrajaya.
- Perpustakaan Belia Sikh SeMalaysia, Bangsar.

Lawatan juga diadakan ke Perpustakaan TV, Kementerian Penerangan Malaysia, Radio Televisyen Malaysia dan Perpustakaan Filem Negara Malaysia, Petaling Jaya untuk mengetahui dan meninjau kemudahan ruang simpanan bahan pandang dengar dan kawalan kelembapan filem.



Ahli-ahli dari Bahagian Pemuliharaan dan Repografi bersama Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana yang mewakili Jabatan di hadapan gerai pameran Sempena Anugerah Inovasi di Johor Bahru.

■ Inovasi

Bahagian Pemuliharaan dan Repografi mewakili Jabatan Perpustakaan Negara dalam pertandingan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2002 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Jabatan Perdana Menteri pada 26 Jun 2002. Inovasi yang dipertandingkan adalah Kaedah Pembaikan Tradisional Manuskrip Melayu Mengikut Pelapisan (*Machine Made Roll Tissue*).

Inovasi berkenaan berjaya disenarai pendek untuk menerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 2002 dengan menerima wang hadiah bernilai RM5,000. Anugerah ini disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman di Majlis Anugerah KMK dan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Tahun 2002 di Johor Bahru, Sempena Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) Peringkat Kebangsaan yang ke-19, di Johor Bahru.



Pameran Kaedah Pembaikan Tradisional Manuskrip Melayu mengikut kaedah pelapisan *Machine Made Roll Tissue*.

PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

PRASARANA PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab mcnyelaraskan pembangunan prasarana Perpustakaan awam di seluruh negara Selaras dengan peranan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987*.

■ Projek Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2002, sebanyak RM5,490,000.00 disediakan untuk projek pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia seperti berikut:

- Menaik taraf bangunan Perpustakaan Negara Malaysia.
- Program pembudayaan ilmu.
- Pembangunan Perpustakaan digital.
- Pemantauan projek pembangunan fizikal.
- Pusat siber ilmu.

Perpustakaan Negara Malaysia dapat membelanjakan sebanyak RM2,957,113.87, iaitu 54% daripada peruntukan yang disediakan.

Selain itu, peruntukan berjumlah RM1,500,000.00 disediakan untuk pembinaan Koleksi Negara. Sebanyak RM921,908.96 daripada Jumlah tersebut, (61%) telah dibelanjakan.

• Projek Perpustakaan Awam Negeri

Pada tahun 2002, sejumlah RM24,030,000.00 diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk disalurkan kepada Perpustakaan Awam Negeri bagi mempertingkatkan pembangunan prasarana Perpustakaan awam di seluruh negara. Sebanyak RM1 5,172,951.27 (63%) dapat dibelanjakan.

• Bangunan Perpustakaan Negeri

Peruntukan berjumlah RM2,680,580.00 disediakan dalam tahun 2002 bagi projek bangunan Perpustakaan Negeri Johor, Perpustakaan Negeri Sabah dan mengubah suai Perpustakaan Negeri Perlis. Perbelanjaan yang digunakan sehingga akhir tahun 2002 adalah sebanyak RM2,178,671.84 atau 81%.

• Projek Perpustakaan Cawangan

Projek Perpustakaan cawangan yang siap dibina pada tahun 2002 adalah seperti yang berikut:

- Perpustakaan Awam Cawangan Merlimau, Melaka.
- Perpustakaan Awam Cawangan Georgetown, Pulau Pinang.
- Perpustakaan Awam Cawangan Lahad Datu, Sabah.



Perpustakaan Awam Cawangan Merlimau, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka

Perpustakaan Cawangan yang masih dalam pembinaan adalah Perpustakaan Awam Cawangan Baling, Kedah; Perpustakaan Awam Cawangan Masjid Tanah, Melaka; Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu, Negeri Sembilan; Perpustakaan Awam Cawangan Cameron Highlands, Pahang; Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Perlis, Perlis dan Perpustakaan Awam Cawangan Pelabuhan Klang,

Selangor. Peruntukan berjumlah RM12,230,420.00 disediakan dan sebanyak RM8,702,439.18 (71%) dapat dibelanjakan.



Perpustakaan Awam Cawangan Baling, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah

- **Perpustakaan Pekan**

Sebanyak RM 1,450,000.00 disediakan bagi membina Perpustakaan pekan dalam tahun 2002. Hanya dua (2) unit Perpustakaan pekan yang dapat dimulakan pembinaannya, iaitu Perpustakaan Pekan Selandar, Melaka dan Perpustakaan Pekan Serting, Negeri Sembilan. Sebanyak RM339,460.91 atau 23% daripada peruntukan dapat dibelanjakan.

- **Perpustakaan Bergerak Multimedia (e-Pustaka)**

Sebanyak tujuh (7) unit Perpustakaan bergcrak multimedia, e-Pustaka dirancang pembinaannya dalam tahun 2002. Ia akan diagihkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Kelantan, Perak, Perlis, Sabah dan Sarawak.

- **Perpustakaan Desa Siber Ilmu**

Peruntukan berjumlah RM2,900,000.00 diluluskan untuk membina 29 unit Perpustakaan desa siber ilmu di seluruh negara dalam tahun 2002. Sebanyak RM1,598,628.80 daripada jumlah tersebut, iaitu 55% daripada peruntukan telah dibelanjakan.

- **Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Negeri**

Prasarana yang sedia ada dimantapkan dengan mewujudkan pusat kecemerlangan sumber ilmu negeri. Bagi tujuan ini, sebanyak RM 1,800,000.00 diperuntukkan kepada semua Perpustakaan Awam Negeri dalam tahun

2002 untuk memenuhi keperluan maklumat negeri. Sebanyak RM1,080,283.42, iaitu 60% daripada peruntukan dapat dibelanjakan.

- **Pendigitan Sumber Ilmu Negeri**

Pada tahun 2002, sebanyak RM1,800,000.00 disediakan kepada semua Perpustakaan awam negeri untuk memperkayakan kandungan tempatan dalam bentuk digital. Sebanyak RM1,273,467.12, iaitu 71% daripada Jumlah tersebut telah dibelanjakan.

- **Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Awam Negeri**

Sebanyak 2 mesyuarat diadakan pada tahun 2002 bertujuan untuk memberi peluang kepada Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak bertukar-tukar fikiran dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia tentang isu berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan perpustakaan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan khususnya dan profesion kepustakawanan amnya. Mesyuarat pertama diadakan di Seremban, Negeri Sembilan pada 7 Mei 2002 dan mesyuarat kedua di Perpustakaan Negara Malaysia pada 26 Disember 2002.

- **Majlis Penyerahan Cek Peruntukan Belanja Mengurus 2002 Sumbangan Kerajaan Persekutuan Kepada Perpustakaan Awam Negeri**

Pada 28 Februari 2002, Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan Malaysia menyempumakan Majlis Penyerahan Cek Peruntukan Belanja Mengurus 2002 Sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri. Pengerusi atau wakil Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Negeri Sabah dan Sarawak hadir untuk menerima cek tersebut bagi pihak Perpustakaan awam negeri masing-masing.

Pada tahun 2002, sebanyak RM13,500,000.00 diperuntukkan bagi peruntukan Belanja Mengurus sumbangan Kerajaan Persekutuan kepada Perpustakaan awam negeri untuk tujuan pembangunan Perpustakaan.

KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Perpustakaan Negara Malaysia memberikan khidmat nasihat dan perundingan kepada sejumlah 28 institusi seperti berikut:

■ Jabatan Kerajaan

- Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur
- Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam, Selangor
- PUSTAKMAR, Tentera Laut DiRaja Malaysia, Lumut, Perak
- Maktab Perguruan Besut, Terengganu
- Politeknik Kota Bharu, Kelantan
- Institut Latihan Pengurusan Air, Kota Bharu, Kelantan
- Akademi Imigresen, Port Dickson, Negeri Sembilan
- Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan
- Bahagian Antarabangsa, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur
- Jabatan Laut Semenanjung Malaysia
- Kementerian Pertahanan
- Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
- Maktab Perguruan Perlis
- Kolej Matrikulasi Perlis
- Jabatan Tenaga Rakyat
- INTAN Wilayah Tengah, Kuala Lumpur
- Jabatan Pengangkutan Jalan
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Pembangunan Usahawan



Pegawai daripada Bahagian Pembangunan berhincang dengan pegawai-pegawai daripada Institut Latihan Pengurusan Air, Kota Bharu, Kelantan.

■ Badan Berkanun dan Swasta

- Lembaga Akreditasi Negara
- Lembaga Koko Malaysia
- Lembaga Tabung Haji
- Yayasan Anak-anak Yatim Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur

■ Sekolah

- Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Alma, Pulau Pinang
- Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Pasir Mas, Kelantan
- Sekolah Menengah Titivangsa, Kuala Lumpur

■ Mesyuarat Ketua Pengarah dengan Ketua Pustakawan Perpustakaan Kementerian dan Jabatan Kerajaan

Mesyuarat diadakan di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya pada 8 April 2002. Seramai 54 Pustakawan menghadiri mesyuarat ini.

■ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Penolong Pegawai Perpustakaan

Seramai 67 Penolong Pegawai Perpustakaan menghadiri mesyuarat ini yang diadakan pada 14 Mei 2002 di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

■ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Pembantu Perpustakaan

Mesyuarat diadakan pada 13 Jun 2002 di Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 203 Pemhanru Perpustakaan menghadiri mesyuarat ini.

■ Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Akademik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Skim Perkhidmatan Guuiasatna Perpustakaan

Mesyuarat yang pertama diadakan dari 9 hingga 10 September 2002 di Seberang Jaya, Pulau Pinang dan dihadiri seramai 31 Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan dari Kolej Matrikulasi, Politeknik, Institut Aminudin Bald dan Maktab Perguruan.

■ **Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Dengan Anggota Perpustakaan Mengikut Zon**

Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Dengan Anggota Perpustakaan di Zon Sabah dan Sarawak diadakan dengan jayanya dari 17 hingga 19 September 2002 di Mulu, Sarawak. Seramai 23 anggota Perpustakaan telah bcrhincang dengan Ketua Perkhidmatan tentang isu yang berkaitan dengan Perpustakaan serta mendedahkan anggoia Perpustakaan kepada peningkatan aspek profesionalisme dalam perkhidmatan. Selain itu, aktiviti kecergasan fizikal yang diadakan bertujuan untuk memupuk semangat keldaan dan berkumpulan. Majlis Perjumpaan Ketua Perkhidmatan Dengan Anggota Perpustakaan di Zon Tengah pula diadakan dari 16 hingga 1 8 Oktober 2002 di Janda Baik, Pahang. Perjumpaan ini dihadiri oleh 88 Pembantu Perpustakaan.

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia mcnjalankan dan mcnyelaraskan aktiviti penyelidikan berkaitan dengan Perpustakaan bagi menyokong proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) Perpustakaan dalam negara. Di samping itu, perkhidmatan penyelidikan juga mengumpul dan menyelaraskan data statistik dan perkhidmatan maklumat Perpustakaan di seluruh negara serta menyediakan standard dan dasar berkaitan dengan Perpustakaan sebagai panduan dan rujukan.

■ **Statistik Perpustakaan**

Pada tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia mengumpul data statistik berkaitan dengan Perpustakaan di Malaysia bagi tahun 2001. Data statistik Perpustakaan yang dikumpulkan dan diterbitkan termasuk statistik Perpustakaan Negara Malaysia 2002, Perpustakaan Awam Negeri 2001, Perpustakaan Khusus 2001 dan Perpustakaan Akademik 2001.

Data statistik Perpustakaan awam dimuatkan dalam *Buletin Perangkaan Sosial 2002* terbitan Jabatan Perangkaau Malaysia. Data statislik ini juga dimasukkan dalam *Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2001* seperti di **Jadual XI**.

Laporan Statistik Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri yang dikumpulkan bagi tahun 2000 dan 2001 juga disediakan seperti di **Jadual XII**.

■ **Pangkalan Data Direktori Perpustakaan di Malaysia**

Projek pembinaan pangkalan data ini dimulakan pada bulan Mei 2000 dan telah disempurnakan pada Julai 2002. Pangkalan data ini dibina unik menyimpan maklumat dan data statistik tentang setiap Perpustakaan yang terdapat di Malaysia. Maklumat yang terkandung di dalam pangkalan data ini berdasarkan maklum balas soal selidik Perpustakaan yang dihantar ke Perpustakaan pada setiap tahun dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pangkalan Data Direktori ini juga dapat memberikan gambaran tentang laburan perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan di Malaysia.

Pangkalan Data Direktori Perpustakaan Di Malaysia ini boleh dicapai melalui laman web PNM, iaitu <http://unvww.pnrm.my/direktori/direktori/htm>.



Direktori Perpustakaan di Malaysia, Edisi ke-4

• **Direktori Perpustakaan Di Malaysia Edisi Ke-4**

Direktori Perpustakaan Di Malaysia Edisi Ke-4 diterbitkan oleh Jabatan Perpustakaan Negara pada tahun 2002 memandangkan terbitan maklumat dan statistik Perpustakaan dalam bentuk cetakan amat diperlukan dan boleh diedarkan sebagai rujukan kepada semua Perpustakaan, institusi serta orang awam di Malaysia. Direktori ini diterbitkan dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Direktori ini meliputi beberapa katcgori Perpustakaan, iaitu Perpustakaan akademik yang terdiri daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Perpustakaan Awam/Negeri, Perpustakaan Khusus Gunasama dan Luar Gunasama serta Perpustakaan Negara Malaysia. Sejumlah 354 entri penuh Perpustakaan dan 1,004 alamat Perpustakaan dikenal pasti dan disenaraikan mengikut katcgori Perpustakaan.

JADUAL XI

BILANGAN PERPUSTAKAAN AWAM DI MALAYSIA
MENGIKUT NEGERI 2000-2002

NEGERI	2000	2001	2002
Johor*	75	85	94
Kedah	70	70	69
Kelantan	15	15	14
Melaka	28	29	39
Negeri Sembilan	28	29	29
Pahang*	48	51	55
Perak*	59	51	52
Perlis	24	24	24
Pulau Pinang	61	60	65
Sabah	79	80	80
Sarawak*	285	290	222
Selangor*	63	68	67
Terengganu	74	68	79
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	11	11	10
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1	1
JUMLAH	921	932	900

*Sumber: Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Majlis Perbandaran, 2Q02

*Penurunan Jumlah beberapa buah Perpustakaan Awam Negeri di negeri berkaitan kerana terdapat Perpustakaan yang telah dinaikkan taraf, tidak aktif dan penutupan beberapa buah Perpustakaan.
Bagi Negeri Sarawak, terdapat pertindihan data bagi tahun 2001

JADUAL XII

PERATUS BILANGAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI/PERPUSTAKAAN NEGERI BERBANDING JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT NEGERI 2000 - 2002

Negeri	2000			2001			2002		
	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%	Bil. Penduduk	Keahlian Perpustakaan	%
JOHOR	2,731,500	129,746	4.75	2,783,800	179,854	6.46	2,891,800	213,832	7.39
KEDAH	1,605,200	290,943	18.13	1,689,600	219,422	12.98	1,743,199	232,664	13.35
KELANTAN	1,561,500	71,019	4.55	1,344,900	82,087	6.10	1,424,700	86,053	6.04
MELAKA	598,900	154,723	25.83	648,500	157,854	24.34	674,000	162,046	24.04
NEGERI SEMBILAN	849,800	139,186	16.38	878,500	158,355	18.02	897,400	161,386	17.98
PAHANG	1,319,100	41,486	3.15	1,319,300	66,966	5.07	1,346,100	74,550	5.54
PERAK	2,130,000	99,607	4.68	2,157,700	106,006	4.91	2,162,200	116,061	5.37
PERLIS	230,700	76,389	33.11	209,100	80,922	38.7	214,500	86,017	40.1
PULAU PINANG	1,259,400	116,540	9.25	1,337,400	142,197	10.6	1,390,300	158,406	11.39
SABAH	3,058,600	480,172	15.69	2,639,500	150,063	5.68	2,730,100	147,623	5.41
SARAWAK	2,064,900	343,904	16.65	2,119,000	258,451	12.19	2,166,800	363,123	16.76
SELANGOR	3,287,800	667,187	20.29	4,270,000	692,969	16.2	4,388,900	717,704	16.35
TERENGGANU	1,064,000	238,226	22.39	919,300	250,845	27.28	943,200	269,889	28.61
WILAYAH PERSEKUTUAN									
KUALA LUMPUR	1,423,900	75,732	5.32	1,401,400	82,817	5.9	1,474,300	91,730	6.22
LABUAN	78,200	8,010	10.24	77,300	9,508	12.3	79,100	10,910	13.79
JUMLAH	22,711,900	2,556,714	11.26	23,263,500	2,932,870	12.61	24,526,500	2,891,994	11.79

* Sumber: Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Majlis Tempatan, 2002

Buletin Perangkaan Sosial Malaysia, 2002

PERKHIDMATAN SOKONGAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Perpustakaan Negara diketuai oleh Ketua Pengarah dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Perkhidmatan Sokongan, 11 Pengarah Bahagian, 4 Ketua Bahagian, dan Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada 2 program, iaitu Program Perkhidmatan Sokongan dan Program Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah. Di bawah Program Perkhidmatan Sokongan, terdapat satu aktiviti, iaitu Aktiviti Pentadbiran dan Sumber Manusia yang diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Sokongan dan di bawah Program Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat pula terdapat 2 aktiviti, iaitu Aktiviti Pembangunan Perpustakaan yang diketuai oleh Pengarah Pusat Penyerahan Negara dan Aktiviti Perkhidmatan Maklumat yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana. Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 15 subaktiviti yang dikenali sebagai Bahagian. Terdapat 15 bahagian di Jabatan ini dan tiap-tiap bahagian ini diketuai oleh Pengarah Bahagian atau Ketua Bahagian. Bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi ke arah mencapai objektif Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan menjalankan 5 fungsi utama, iaitu:

- Pentadbiran Jabatan
- Perkhidmatan dan Personal
- Kewangan
- Penyelenggaraan Bangunan dan
- Keselamatan Jabatan

■ Pentadbiran

Fungsi utama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah urusan pentadbiran jabatan. Bahagian ini bercanggungjawab menguruskan kenderaan Jabatan, kantin dan sebagainya. Bahagian ini juga menjadi Urus Setia kepada beberapa aktiviti penting jabatan seperti:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Hari Kualiti
- Perhimpunan Bulanan

■ Perkhidmatan dan Personel

Sehingga 28 Mac 2002, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 293 Jawatan. Pembahagian Jawatan adalah seperti di **Jadual XIII**.

JADUAL XIII

PERJAWATAN DI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (SEHINGGA OKTOBER 2002)

Kumpulan	Jawatan	Pengisian
Pengurusan Tertinggi	2	1
Pengurusan dan Profesional	77	68
Sokongan	33	224
JUMLAH	311	293

Perkhidmatan utama di Perpustakaan Negara Malaysia ialah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan. Jabatan ini juga dibantu oleh pegawai daripada Perkhidmatan Gunasama Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Gunasama Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama Kementerian Penerangan.

Di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan Negara, terdapat 4 skim perkhidmatan, iaitu:

- Pustakawan
- Pegawai Perpustakaan (Khas Untuk Penyandang)

- Penolong Pegawai Perpustakaan
- Pembantu Perpustakaan

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab menguruskan pelantikan (bagi Jawatan tertentu), penempatan dan pertukaran, pengesahan dalam Jawatan dan pengesahan taraf berpcencen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan pcrsaraan.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam PerkJiidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti di Jadual XIV:

JADUAL XIV

PERJAWATAN KADER PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA
(SEHINGGA OKTOBER 2002)

Jawatan	Bilangan
Pustakawan	60
Pegawai Perpustakaan (KUP)	14
Penolong Pegawai Perpustakaan	47
Pembantu Perpustakaan	356
JUMLAH	477

Bagi Jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, pelepasan Jawatan dan kenaikan pangkar sahaja manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi berkenaan.

■ Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia diperuntukkan wang berjumlah RM 32,036,120.00 untuk Belanja Mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia membelanjakan peruntukan berjumlah RM 29,383,427.63 dengan peratus pcrbelanjaan 91.72%. Peruntukan ini diagih-agihkan kepada Bahagian dan Pengarah Bahagian berranggungjawab menguruskan peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Jabatan Perpustakaan Negara mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara Malaysia (1972) (Pindaan 1987)*. Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai 4 Akaun Amanah, iaitu:

- Akaun Amanah Manuskrip Melayu
- Akaun Amanah Projek Kemasyarakatan
- Akaun Amanah Pembekalan Penerbitan dan
- Akaun Amanah Penyelidikan dan Latihan

■ Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan ini dijalankan oleh syarikat swasta, iaitu Penscra Sdn. Bhd. yang dilantik secara konrrak. Kerja yang dijalankan oleh syarikat tersebut ialah:

- menyenggara bangunan termasuk dari scgi Sistem sivil, sistem mekanikal dan Sistem elektrik
- kebersihan bangunan
- kebersihan kawasan dan lanskap
- kawalan makhluk pemsak

Jabatan melaksanakan kerja utama penyenggaraan, iaitu memperbaiki bangunan, mengindahkan kawasan dan lanskap. Jabatan juga mempertingkatkan kemudahan untuk staf dan pengguna Perpustakaan.

■ Keselamatan Jabatan

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bertindak sebagai Urus Setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah. Jabatan menubuhkan 3 Jawatankuasa

lain yang terletak di bawah Jawatankuasa Keselamatan Jabatan. Jawatankuasa tersebut adalah seperti yang berikut:

- Jawatankuasa Mencegah Kebakaran
- Jawatankuasa Pelan Kontigensi
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Urusan kawalan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberikan kepada syarikat swasta. Pada masa sekarang Syarikat Realforce Security Services Sdn. Bhd. diberikan kontrak mengendalikan kawalan keselamatan di bangunan Jabatan ini.

■ Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia 2002

Pada tahun 2002, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia menjalankan 2 aktiviti penting, iaitu:

- Minggu Kualiti 2002, dan
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2002

Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Ismail Adam, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perkhidmatan Awam pada 28 Oktober 2002. Tujuan minggu Kualiti tersebut diadakan adalah untuk menghayati dan memperkukuh nilai budaya kerja yang berkualiti di samping memperbaharui azam dan semangat kerja pegawai dan staf Perpustakaan Negara Malaysia.

Sempena dengan Minggu Kualiti, tema Hari Kualiti yang bertajuk *Insan Berilmu Kualiti Jitu* yang diilhamkan oleh En. Mohamad Paudzi bin Ismail, Pembantu Am Rendah Gred N1 dari Bahagian Terbitan Bersiri dipilih sebagai pemenang.

■ Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2002

Pada tahun 2002, seramai 12 pegawai Jabatan pelbagai peringkat dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2001. Lima orang menerima anugerah pergerakan gaji kategori melintang dan 7 orang menerima anugerah pergerakan gaji kategori menegak. Senarai penerima pergerakan gaji adalah seperti yang berikut:



Y.Bhg. Dato' Ismail Adam, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama staf Perpustakaan Negara Malaysia melafazkan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam semasa Majlis Pelancaran Minggu Q Perpustakaan Negara Malaysia pada 28 Oktober 2002.

Kategori Melintang	Kategori Menegak
Zahuddin Sidek @ Salleh	Salbiah Mohammad Yusof
Abd. Jalil Zainal	Rusnani Yaakab
Che Zawiah Che Ali	Mariyah Md. Jan
Mohd. Nasti Mohd. Nor	Mohd. Sadri Md. Saai
Mokminah Silong	Nurlinawati Togiman
	Mohammad Faizal Thajutheen
	Miptah Haji Omar

• SISPEN

SISPEN adalah *Sistem Pengurusan Personel Jabatan*. Ia mengandungi beberapa modul yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan dan latihan/kursus personel Jabatan. Sistem ini mula diwujudkan semenjak 1998 dan dilengkapkan pada tahun 2000. Kelewatan melengkapkan SISPEN ini berpunca daripada pengubahsuaian sistem perisian.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Latihan Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menyediakan latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua warga Perpustakaan Negara Malaysia serta staf di bawah Perkhidmatan Cunasama Perpustakaan. Program ini termasuk pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran untuk pegawai mengikuti kursus di dalam dan di luar negara serta lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai di pelbagai institusi untuk menambah dan memperluaskan pengalaman mereka.

■ Kursus/Bengkel bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Sepanjang tahun 2002, sebanyak 19 kursus/bengkel dapat dikendalikan untuk warga Perpustakaan Negara Malaysia dari kumpulan pengurusan dan profesional. Kursus/bengkel yang diadakan adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama institusi luar seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan beberapa institusi latihan swasta. Bidang kursus yang ditawarkan merangkumi pelbagai perkara seperti komunikasi, pengurusan kewangan, pengurusan masa, pembangunan diri, penggunaan teknologi maklumat dan keselamatan. Seramai 465 pegawai ikhtisas menyertai program latihan berkenaan.

■ Kursus/Bengkel bagi Kumpulan Sokongan

Bagi Kumpulan Sokongan pula, sebanyak 17 kursus/bengkel diadakan pada tahun 2002 yang merangkumi bidang seperti motivasi, komunikasi berkesan, perkhidmatan kaunter dan pelanggan berkualiti, sistem komputer dan kursus induksi. Seramai 518 peserta menyertai kursus/bengkel tersebut.

■ Ceramah Ikhtisas/Khas

Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan tahap pengetahuan dan ilmu yang ada kaitannya dengan bidang kepustakawanan, terutamanya isu semasa seperti pembangunan kandungan digital tempatan, pelan strategik PNM, pelaksanaan penilaian program dalam sektor awam dan lain-lain. Sehubungan ini, sebanyak 12 Ceramah ikhtisas/khas yang dihadiri oleh 637 orang diadakan sepanjang tahun 2002.

■ Kursus/Seminar/Bengkel Luar Jabatan

Pada tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia menghantar 198 peserta untuk mengikuti kursus/bengkel, Persidangan dan Ceramah yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta merangkumi pelbagai aspek yang berkaitan dengan pengurusan berkualiti, sistem komputer, komunikasi, literasi, teknologi maklumat dan sebagainya. Selain itu, seramai 28 pegawai juga berpeluang mengikuti kursus dan Persidangan di luar negara.

Dari 3 hingga 9 Februari 2002, Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi menghadiri kursus *Training on Preservation of and Access to Southeast Asian Documentary Heritage* di Hanoi, Vietnam. Kursus ini bertujuan untuk mendapatkan pendedahan, pengalaman, mengadakan perbincangan dan bertukar pengalaman serta pandangan berkaitan dengan penyelenggaraan dan Pemuliharaan bahan Perpustakaan, termasuk pemikrofileman. Dari 15 hingga 22 September 2002, Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi bersama-sama seorang pengawet mengadakan lawatan kerja ke New Delhi dan Kolkata di India. Antara Lempat yang dilawati ialah :

- *National Archives of India*
- *Nehru Memorial Museum, and Library*
- *State Secretariat Library New Delhi*
- *National Library of India*

Lawatan ini juga adalah untuk mendapat pendedahan, pengalaman, mengadakan perbincangan dan bertukar pengalaman serta pandangan berkaitan penyelenggaraan dan Pemuliharaan bahan Perpustakaan, termasuk pemikrofileman dan pendigitan.

■ Latihan Praktik dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menerima 9 pegawai dari dalam dan luar negara untuk mengikuti latihan praktik dan penempatan. Mereka adalah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Kuala Lumpur, I FT. A/ALP Scholarships Attachments dan Yamuk University, Jordan.

■ Program Kerjasama Teknik Malaysia

Sejak tahun 1985, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengendalikan dua kursus di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia bagi sektor Perpustakaan, iaitu *Basic Course for Library Assistants* pada 5-24 Ogos 2002 (24

Pembantu Perpustakaan) dan *Library Visits/Attachments* pada 5-24 Ogos 2002 (16 Pustakawan).

Bagi *Basic Course for Library Assistants*, pesertanya adalah dari negara Argentina, Belize, Indonesia, Kenya, Maldives, Myanmar, Oman, Malawi, Sudan, Tajikistan, Timor Leste, Vietnam, Western Samoa dan juga Malaysia.

Bagi *Library Visits/Attachments*, pesertanya pula terdiri daripada pegawai ikhtisas dari Bosnia, Filipina, Gambia, Grenada, Indonesia, Kambodia, Lesotho, Malaysia, Morocco, Myanmar, Senegal, Sri Lanka, Swaziland, Timur Timor, Trinidad and Tobago, dan Vietnam.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan tentang pengurusan pelbagai Perpustakaan dan jenis perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia bagi peringkat ikhtisas.

■ Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2002, sebanyak 5 peperiksaan perkhidmatan untuk kumpulan Sokongan diadakan untuk tujuan pengesahan dalam Jawatan dan juga kenaikan pangkat. Seramai 284 calon menduduki peperiksaan seperti yang berikut:-

- Ujian Kederasan Menaip (untuk hadiah kenaikan) bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Bil. 1/2002 pada 21 Mei 2002 (2 Jurutaip) dan Bil. 2/2002 pada 19 November 2002 (2 Jurutaip).
- Ujian Menaip (Kederasan 18 psm) bagi Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N9 Bil. 2/2002 pada 24 September 2002 (32 Pembantu Tadbir).
- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Perpustakaan, Gred S7 Bil. 1/2002 pada 10-11 Jun 2002 (88 Pembantu Perpustakaan).
- Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S3 pada 13 Jun 2002 (35 Penolong Pegawai Perpustakaan).
- Peperiksaan Khas untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S5 pada 12 Jun 2002 (125 Pembantu Perpustakaan)

PENDIDIKAN PENGGUNA

■ Perkhidmatan Pendidikan Pengguna

Perkhidmatan ini bertujuan untuk menggalakkan literasi maklumat, iaitu kebolehan mengesandan mengaplikasikan maklumat di kalangan pembaca Perpustakaan. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 12 sesi Bengkel Mencroka E-Maldumat secara berjadual diadakan untuk 290 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan peserta kepada dimensi maklumat elektronik dan meningkatkan kebolehan mencapai maklumat melalui Internet dengan lebih berkesan.

■ CDS/ISIS

Sebagai pusat pengedar CDS-ISIS, PNM juga bertanggungjawab memberikan latihan dan khidmat nasihat kepada pengguna. Pada tahun 2002, kursus WINISIS diadakan sebanyak 2 kali, iaitu dari 9 hingga 12 April 2002 dan 26 hingga 29 Ogos 2002. Di samping itu 4 sesi khidmat nasihat dan latihan asas diberikan kepada Perpustakaan berikut:

- Perpustakaan Felda
- Sekolah Menengah Agama di Shah Alam
- Persatuan Peladang
- Israna Budaya

Pada tahun 2002, 13 insirusi dibekalkan pakej perisian CDS/ISIS versi Windows (WINISIS) oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menyediakan templat untuk pangkalan data katalog, inventori perkakasan dan pengguna menggunakan perisian ini untuk kegunaan Perpustakaan kecil. Templat ini dinamai CUTe.

Di samping itu, PNM mengambil inisiatif untuk membina pangkalan data inventori berdasarkan *Borang Daftar Harta Modal* (Kcw.312) menggunakan perisian ini untuk mengemas kini maklumat perkakasan baru.

Perpustakaan Negara Malaysia juga mencrbitkan satu keluaran Berita CDS/ISIS yang diedarkan kepada pengguna CDS/ISIS di Malaysia.

Pangkalan Data CDS/ISIS yang dibangunkan pada 2002 adalah seperti yang berikut;

- Inventori Manuskrip Melayu
- Bibliografi Perdana Menteri
- CUTe

PROMOSI

Bagi meneruskan usaha melahirkan masyarakat berbudaya membaca, Bahagian Hal Ehwal Korporat (BHEK), Perpustakaan Negara Malaysia turut merancang pelbagai aktiviti promosi dan publisiti melalui program yang diurus seperti pameran dan lawatan. Selain itu, BHEK juga mengendalikan pelbagai program, majlis dan seminar yang diadakan secara kerjasama dengan institusi luar.

Antara aktiviti yang diadakan termasuklah kempen membaca, penyerahan bahan bacaan, dan temu ramah media cetak dan elektronik.

Kejayaan usaha ini dapat dilihat melalui pertambahan bilangan pelawat dan peserta dalam setiap aktiviti yang diadakan.

PAMERAN

Pameran merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan pengunjung ke PNM. Sepanjang tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia nieraniiiiig pelbagai pameran. Selain pameran anjuran PNM sendiri, jabatan turut menerima permohonan daripada beberapa institusi luar yang ingin mengadakan kerjasama pameran, antaranya The Japan Foundation, Kedutaan Amerika Syarikat dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia. Sebanyak 11 pameran telah berjaya diadakan seperti dalam Jadual XV.



JADUAL XV

PAMERAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA TAHUN 2002

Tarikh	Nama Pameran	Tempat	Anjuran
28 Feb - 18 Mac 2002	Pameran <i>Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri Pasca Merdeka</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
20 Mac - 21 April 2002	Pameran Foto <i>After September 11: Images from Ground Zero</i>	Ruang Pameran Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama kedutaan U.S.A
23 April - 23 Mei 2002	Pameran Sempena Hari Buku & Hakcipta sedunia, <i>Perlindungan Hakcipta : Ke Arah Memenuhi Standard Antarabangsa</i>	Ruang Pameran Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
02- 15 Julai 2002	Pameran <i>The Dolls of Japan</i>	Ruang Pameran Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan <i>The Japan Foundation</i> -, Kuala Lumpur
18 Jul- 15 Ogos 2002	Pameran Sempena Sambutan Kempen Membaca Kebangsaan 2002 <i>bac@ayahidup</i>	Ruang Pameran Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
15 Ogos- 28 Sept 2002	Pameran Bulan Kemerdekaan <i>Bangsa Jiwa Merdeka</i>	Anjung Puisi Aras 2	Perpustakaan Negara Malaysia
19 Ogos - 02 Sept 2002	Pameran <i>Karya Agung: Warisan Dunia</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara dan Dewan Bahasa & Pustaka
05 - 15 Sept. 2002	Pameran <i>Wanita Obor Negara</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)
19- 30 Sept. 2002	Pameran <i>Kartun Asian Ke-6</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Kerjasama antara Perpustakaan Negara Malaysia dan <i>The Japan Foundation</i> , Kuala Lumpur
28 Okt- 15 Nov 2002	Pameran Q: <i>Kejayaan Berterusan Memantas Wawasan Perpustakaan Ber taraf Dunia</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Perpustakaan Negara Malaysia
17-19 Disember 2002	Pameran Sempena Persidangan Digital Library ke-4 <i>Products & Information Services</i>	Ruang Pameran, Aras 1	Anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia

LAWATAN

Seramai 4,678 pelawat dalam 128 rombongan lawatan berpandu dan lawatan khas telah mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia sepanjang tahun 2002.

PNM menerima rombongan lawatan dari pelbagai institusi termasuklah Maktab Perguruan, Pusat Latihan, Perbadanan Perpustakaan Awam, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Kolej, dan badan bukan kerajaan.

Institut paling banyak mengadakan lawatan ke PNM adalah Sekolah Rendah dan Menengah.

Pendedahan awal yang diberikan oleh sekolah tentang kepentingan Perpustakaan merupakan langkah yang wajar dicontohi bagi menggalakkan pelajar menggunakan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan.

Amtara pelawat istimewa ialah Ms. Christina Paulini dari Goethe-institut Inter Naciones Singapore, delegasi dari Forerank Corporation Sdn. Bhd. Vietnam, Dr. Dagmar Schmidmaier dari State Library of New South Wales, Australia, Mr. Geraldo A. Mujji, Duta Brazil ke Malaysia, dan Y.B Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, seperti dalam **Jadual XVI**.

LIPUTAN MEDIA MASSA

Sepanjang tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia mendapat liputan media cetak dan elektronik yang menggalakkan dalam semua bahasa. Sebanyak 165 liputan telah dibuat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, pameran, seminar dan bengkel yang dianjurkan, program kempen membaca, majlis pelancaran dan sumbangan buku oleh badan korporat, yayasan dan kedutaan serta pelbagai majlis perasmian.

Berita Harian, *New Straits Times* dan *The Star* merupakan akhbar tempatan paling banyak membuat liputan tentang aktiviti dan majlis yang diadakan di PNM.

JADUAL XVI

LAWATAN KHAS KE PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN 2002

Tarikh	Nama Pelawat	Institusi/Organisasi
29 Januari 2002	Cik Christina Paulini, <i>Head Information Services</i>	Goethe-institut Inter Nationes Singapore
11 Februari 2002	H.K. Mr. Daniel Mulhall Duta Ireland ke Malaysia	Kedutaan Ireland
22 Februari 2002	Pn.Mariko Sasaki Pegawai Program ACCU	ACCU, Fukuomachi, Shinkuju, Tokyo, Japan
27 Februari 2002	Pemaju Masyarakat Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sembilan	Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Sembilan
28 Februari 2002	YB Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad Menteri Pendidikan	Kementerian Pendidikan Malaysia
16 April 2002	Tn. Pham Ngoc Anh <i>Deputy Director of Finance & Staff Forerank Corporation</i>	Forcrank Corporation Vietnam
17 April 2002	Pasukan Peningkatan Kualiti (NIAGA)	Dewan Bahasa dan Pustaka
29 April 2002	Tn. Hj. Ismail Mutalib Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan kakitangan	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
29 April 2002	Drs. Ded Junaedi Kepala Perpustakaan Nasional Dra. NR. Tienny Surtienny Kepala Sub-Bidang	Perpustakaan Nasional Propinsi Jawa Barat
29 April 2002	Dr. Dagmar Schmiduaier, State Librarian and Chief Executive	State Library of New South Wales, Australia
30 April 2002	Tn. Jang Tacg-Hwan Chief of Foreign Publication & Staf Deliberation Team of Comic Books and Magazines	Korean Publication Ethics Commission
17 Mei 2002	Cik Chang Ling Fung	Perpustakaan Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KASKA)

Tarikh	Nama Pelawat	Tnstitusi/Organisasi
04 Jun 2002	Y.B.Tan Sri Datuk Amar Hj. Hamid Bugo Pengarah Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak & kakitangan Pustaka Negeri Sarawak	Pustaka Negeri Sarawak
01 Julai 2002	Kakitangan Perpustakaan Masjid Wilayah Persekutuan	Perpustakaan Masjid Wilayah Persekutuan
05 Julai 2002	Dr. Islahuddin Baba Timbalan Ketua Setiausaha II	Kementerian Pendidikan Malaysia
15 Julai 2002	Kakitangan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)	Perpustakaan Awam Melaka
18 Julai 2002	Y.Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah Presiden	Majlis Belia Malaysia
19 Julai 2002	Y.Bhg. Datin Paduka Seri Hajah Zaleha Ismail Pengerusi Negara	Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga
23 Julai 2002	Delegasi Angkatan Muda Persatuan Indonesia (AMPI) ke Malaysia bersama Ahli Jawatankuasa Eksekutif UMNO Negeri Sembilan	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Negeri Sembilan
13 Ogos 2002	Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Yusof Ahmad Ketua Pengarah IDIIL	Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar (IDHL)
04 September 2002	H.E. Mr. Geraldo A. Mujji Duta Brazil ke Malaysia	Kedutaan Brazil
10 September 2002	YB Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga	Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga
11-17 September 2002	Pn. Yunis H. Rojiin Gabu Pegawai Perhubungan Awam & kakitangan Perpustakaan	Perpustakaan Negeri Sabah
20 September 2002	Dr. Basri Hassan Ketua Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat & Pelajar	Kuliyah Teknologi Maklumat & Komunikasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)
30 September 2002	Pn. Annabel Gallop	The British Library, London

Tarikh	Nama Pelawat	Institusi/Organisasi
17 Oktober 2002	En. Lye Munn Sann Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan & kakitangan	Institut Penyelidikan Perubatan Kuala Lumpur
13 November 2002	Pn. Khoo Siew Mun Ketua Pustakawan	Perpustakaan Tun Hussin Onn, Sunway College
13 November 2002	Pn. Ho Chooi Hon Pustakawan	Monash University
18 Disember 2002	Peserta dari Universiti Bangladesh	Universiti Bangladesh



Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, menyampaikan cenderamata kepada Dr. Dagmar Schmiduaier, Pustakawan Negeri dan Ketua Eksekutif dari State Library of New South Wales, Australia Sempena lawatan beliau ke Perpustakaan Negara Malaysia pada 29 April 2002.



Puan Jamilah Mohd. Sir, Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Repografi memberi penerangan semasa lawatan kerja oleh Dr. Lye Munn Sann, Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (IMR) ke Perpustakaan Negara Malaysia pada 17 Oktober 2002.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama tetamu beliau, Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Yusof Ahmad, Ketua Pengarah Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri (IDHL), Jabatan Perdana Menteri yang melawat Perpustakaan Negara Malaysia pada 13 Ogos 2002.



Lawatan Kerja oleh kakitangan Forcrank Corporation dari Vietnam ke Perpustakaan Negara Malaysia pada 11 April 2002

KERJASAMA PERPUSTAKAAN

PERINGKAT KEBANGSAAN

■ Kerjasama Kelab Harvard dengan Perpustakaan Negara Malaysia

Koleksi Harvard merupakan hasil sumbangan Kelab Harvard Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia sejak Julai 2000. Koleksi ini terletak di Aras 4, Perpustakaan Negara Malaysia.

Pada masa ini, Jumlah koleksi mengandungi 682 monograf, 24 tajuk terbitan bersiri dan 13 unit bahan sumber media. Koleksi ini merangkumi bidang pengurusan dan perniagaan. Pada tahun 2002, sebanyak 2,962 bahan koleksi Harvard dirujuk oleh pengguna Perpustakaan.

■ Kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia ialah Pusat Penyerahan Bahan terbitan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk daripada Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan (UNESCO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNTCFF). Pada tahun 2002, sebanyak 3,342 bahan yang terdiri daripada bahan monograf dan terbitan bersiri diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia manakala sejumlah 1,494 bahan dirujuk oleh pembaca.

■ Kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia merupakan persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh kumpulan pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dalam profesion kepustakawanan. Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, dipilih sebagai YangDiPertua PPM bagi tahun 2001-2003. Empat orang pegawai Jabatan, iaitu Puan Siti Zakiah Aman (Naib Yang DiPertua II), Cik Nafisah Ahmad (Setiausaha Kehormat), Encik A. Azli Abdul Rahim (Penolong Setiausaha) dan Puan Chin Loy Jyoon (Bendahari Kehormat) merupakan Ahli Majlis PPM bagi tahun 2001 /2003. Pada tahun 2002, Perpustakaan Negara Malaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia menjadi penganjur bersama 4th *Digital Library Conference: Enriching Malaysiana Content for PERDANA* yang diadakan pada 17-19 Disember 2002.

■ Jawatankuasa Kecil Mikroform (SCOM)

Jawatankuasa ini merupakan jawatankuasa kecil di bawah *joint Standing Committee on Bibliographic Services and Library Co-operation (BH.CO)*, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Ia merupakan satu jalinan kerjasama dalam projek mikroform bagi bahan Perpustakaan, terutama surat khabar tempatan, di antara 10 institusi terlibat. Institusi ahli terdiri daripada Jabatan Arkib Negara, Arkib Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Sarawak, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia serta Perpustakaan Negara Malaysia. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi.

Jawatankuasa mengadakan mesyuarat pada 25 Mac 2002 dan 20 Oktober 2002. Jawatankuasa juga menerbitkan Bcrite SCOM sebanyak 2 keluaran.

■ Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai jawatankuasa Pengelola Pesta Buku Antarabangsa 2002 yang diadakan pada April 2002. Perpustakaan Negara Malaysia juga menganggotai Jawatankuasa Kecil Majlis Pelancaran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur dan mengendalikan aktiviti bercerita untuk kanak-kanak.

■ Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB)

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia. Jawatankuasa Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia mengadakan mesyuarat pada 18 Januari 2002 di Miri, Sarawak; 7 Jun 2002 dan 11 Seprember 2002 di Ibu Pejabatnya di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini membincangkan usaha untuk menghasilkan buku *Braille* bagi kanak-kanak rahap 1 dan 2 dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia serta edisi semakan *Kod Braille Melayu*.

Jawatankuasa Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat, Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia juga mengadakan Bengkel Ke-9 Pengeluaran Braille Bcrkomputer dari 31 Oktober 2002 hingga 3 November 2002 di Kompleks MAB.

Pada 14 Disember 2002, Jawatankuasa Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat, Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta Malaysia mengadakan Karnival Braille MAB 2002 Ke-4 di Dewan Besar, Kompleks MAB, Brickfields, Kuala Lumpur. Aktiviti yang dijalankan ialah :

- Peraduan Membaca
- Peraduan Mengarang
- Peraduan Menulis Rencana
- Peraduan Bercerita

■ Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Urus Setia bagi Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK). Jawatankuasa ini dianggotai oleh Perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA; Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sarawak; Perpustakaan Kementerian Penerangan, Kementerian Pertanian, Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bahasa dan Pustaka; Perpustakaan Penyelidikan Tuan Haji Mohd Fuad Stephens dan Fakulti Pengajian Maklumat Universiti Teknologi MARA.

Pada tahun 2002, Cik Nafisah Ahmad, selaku Pengerusi JKKK membentangkan kertas kerja berjudul *Metadata Standard for the Digital Content Creation* Sempena 4th *Digital Library Conference: Enriching Malaysian Content for PERDANA* yang diadakan pada 17-19 Disember 2002.

■ Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam yang berurus setia di MAMPU sejak tahun 2000. Jabatan diwakili oleh Cik Nafisah Ahmad, Pengarah Bahagian Khidmat Teknik. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk membangunkan piawaian *data dictionary* bagi sektor awam bagi memudahkan komunikasi antara pengguna aplikasi yang berkaitan serta membantu melaksanakan sistem maklumat bersepadu. Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Kumpulan Kerja *Data Generic* yang menghasilkan standard bagi struktur data dan kod bagi elemen data generik untuk diguna pakai dalam sistem aplikasi agensi sektor awam.

■ Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN)

PERPUN merupakan suatu forum antara Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Ia bertujuan untuk membincangkan perkara dan isu bersama demi kemajuan Perpustakaan dalam negara dan untuk menjalin kerjasama serta mewujudkan rangkaian dan menjalankan projek usaha sama bagi faedah semua. Dalam tahun 2002, 4 mesyuarat diadakan, iaitu di Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- Penubuhan konsortium untuk langganan pangkalan data asing.
- Penubuhan Portal *I-Resources* yang mengandungi maklumat bibliografi berhubung dengan bidang perkara khusus.
- Merangka indikator prestasi (*performance indicators*) untuk Perpustakaan Universiti.
- Perkongsian maklumat melalui Sistem Pinjaman Perpustakaan.

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menghadiri 2 daripada mesyuarat itu sementara wakilnya, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah, menghadiri mesyuarat selebihnya.

■ Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Sebagai Pusat Penyelaras Kebangsaan Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP), Perpustakaan Negara Malaysia mengendalikan sebanyak 1,023 permohonan pinjaman dari perpustakaan dalam dan luar negara sepanjang tahun 2002. Daripada Jumlah ini, sebanyak 905 permohonan atau 89% bahan dapat dibekalkan.

Semenjak dilancarkan pada 2 Jun 1988, Jumlah keahlian SPP meningkat kepada 433 ahli. Sebanyak 31 daripada Jumlah ini adalah ahli SPP yang baru menyertai sistem ini pada tahun 2002.

Pecahan kategori keahlian adalah seperti yang berikut:-

- Perpustakaan Jabatan Kerajaan (147 atau 34 %)
- Perpustakaan Sektor Swasta (114 atau 26 %)
- Perpustakaan Akademik (79 atau 18%)
- Badan Berkanun (60 atau 14 %)
- Pertubuhan Bukan Kerajaan (33 atau 8%). •

■ International Standard Book Number (ISBN)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Kebangsaan bagi pengeluaran nombor ISBN di Malaysia. Nombor ISBN ialah nombor unik untuk mengenai pasti judul monograf dan penerbit dalam negara. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 19,261 nombor ISBN diberikan kepada judul monograf terbitan dalam negara. Sejumlah 440 penerbit baru mendaftar dalam daftar penerbit ISBN di negara ini.

■ International Standard Serial Number (ISSN)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Kebangsaan bagi pengeluaran nombor ISSN di Malaysia. Nombor ISSN ialah nombor unik bagi mengenai pasti penerbitan bahan berkala seperti majalah dan surat khabar dan perdagangannya di peringkat antarabangsa. Sepanjang tahun 2002, sebanyak 342 nombor ISSN diberikan kepada penerbit di negara ini.

PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA

• Kumpulan Pengguna CDS/ISIS Di Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan pusat pengedar Lunggal perisian CDS/ISIS di Malaysia sejak tahun 1989. Perisian ini diedarkan secara percuma kepada mana-mana Perpustakaan yang memerlukan perisian untuk mengendalikan Perpustakaan mereka.

Pada tahun 1989, PNM mula mengedarkan perisian CDS/ISIS versi DOS kepada Perpustakaan kecil. Walau bagaimanapun pada tahun 1999, UNESCO mula memperkenalkan CDS/ISIS versi Windows yang dikenali sebagai *CDS/ISIS for Windows (WINISIS)*. Setelah WINISIS diperkenalkan, permintaan CDS/ISIS versi DOS didapati tidak menggalakkan berbanding dengan WINISIS. Pada tahun 2002, sebanyak 13 institusi menerima pakej perisian CDS/ISIS versi windows (WINISIS)

■ Rangkaian Serantau bagi Pertukaran Maklumat dan Pengalaman dalam Sains Dan Teknologi (ASTINFO)

Pada tahun 2002, *ASTINFO*, *RINSCA (Regional Informatics Network for South & Central Asia)* dan

IUNSEAP (Regional Informatics Network for South East Asian - Pacific) digabungkan dan dinamakan *Asian and Pacific Information Network (APIN)* di bawah *Program Information for All*.

UNESCO Bangkok Communication and Information Sector dan wakil dari ketiga-tiga jaringan menggubal perlembagaan APIN. Ketua Pengarah Jabatan Perpustakaan Negara dilantik sebagai *National- Unit (NU)* untuk mewakili Malaysia ke *APIN Founding Conference* pada 9-13 Disember 2003 di Bangkok.

UNESCO/ASTINFO Regional Office di Bangkok telah mengedar buku *Mind Mapping Multimedia. Using Mind Maps to Design CD-ROM: A guide for young people and youth organizations in Southeast Atr'a*. Buku ini menggariskan prinsip pemetaan minda yang boleh digunakan apabila membuat CD-ROM multimedia untuk diedarkan kepada pengguna.

Satu lagi penerbitan penting ialah *'ICT (Information and Communication Technology) for Library and Information Professionals (ICTLIP): Training package for Developing Countries'*. Penerbitan ini mempunyai 6 modul. Empat modul yang telah diterbitkan adalah rentang:

- Pengenalan kepada Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Pengenalan kepada Sistem Perpustakaan Berautomasi Bersepadu
- Reka bentuk Pangkalan Data dan Storan Dapatan Semula Maklumat
- Internet sebagai Sumber Maklumat

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara (CDNL)

Persidangan CDNL Ke-29 diadakan pada 21 Ogos 2002 di National Library of Scotland, Edinburgh, United Kingdom. Y.Bhg. Daro' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia mewakili Perpustakaan Negara dalam Persidangan ini.

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania (CDNLAO)

Persidangan CDNLAO Ke-10 diadakan pada 21 April 2002 di National Library Board, Singapura. Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menghadiri persidangan ini mewakili Malaysia.

■ Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL)

CONSAL merupakan suatu forum perbincangan antara Pengarah/Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, negara-negara Asia Tenggara dan Presiden Persatuan Perpustakaan negara tersebut. Negara anggota sehingga kini ialah Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura, Thailand, Filipina, Vietnam, Cambodia, Laos, Indonesia dan Myanmar. Dalam tahun 2002, dua mesyuarat diadakan, iaitu di Brunei Darussalam dan di Singapura. Mesyuarat yang diadakan di Brunei Darussalam dihadiri oleh Pemangku Timbalan Ketua Pengarah dan Persatuan Pustakawan Malaysia diwakili oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman, Timbalan Presiden T dan Puan Rashidah Begum. Mesyuarat membincangkan projek yang dijalankan di negara anggota dan juga persediaan untuk Persidangan CONSAL Ke-6 di Brunei yang dijadualkan pada bulan Mei 2003. Mesyuarat kedua diadakan di Singapura pada 21-26 April 2002 dan dihadiri oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia yang juga memegang Jawatan Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia. Sempena Mesyuarat tersebut, satu acara penganugerahan CONSAL *Outstanding Librarian Award* diadakan. Pustakawan dari Filipina memenangi anugerah tersebut.

■ Jawatankuasa ASEAN Bagi Kebudayaan dan Maklumat (ASEAN-COCI)

Mesyuarat Jawatan Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI diadakan di Yangon, Myanmar dari 3 Julai hingga 2 Ogos 2002. Dr. Haji Wan Ali Wan Mamar menghadiri mesyuarat tersebut mewakili Perpustakaan Negara Malaysia. Kertas projek Perpustakaan Negara Malaysia bertajuk *Animation of AS FAN Legends* diperakui dan akan diangkat ke peringkat mesyuarat ASEAN-COCI pada tahun 2003 nanti untuk keputusan.

■ Persekutuan Persatuan dan Institusi Perpustakaan Antarabangsa (IFLA)

Persidangan IFLA Ke-68 diadakan di Glasgow, Scotland dari 14 Ogos hingga 24 Ogos 2002. Tema persidangan ini ialah *Libraries for life: democracy, diversity, and delivery*.

Perpustakaan Negara Malaysia diwakili oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah, Puan Norpishah Mohd Noor, Pengarah Perkhidmatan Sokongan dan Cik Salbiah Mohamad Yusof, Pengarah Pembangunan. Puan Chin Loy Jyoon juga menghadiri persidangan ini atas pembiayaan Danida Travel Cranr. Beliau juga menghadiri mesyuarat COMLA selaku wakil Persatuan Pustakawan Malaysia.

Semasa persidangan ini, Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia membentangkan kertas kerja tentang *Reader Development in National Libraries with special reference to the National Library of Malaysia*.

■ Persatuan Perpustakaan Sekolah Antarabangsa (IASL)

Persidangan IASL dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama PNM dan beberapa Perpustakaan akademik di bawah Kementerian Pendidikan. Persidangan ini diadakan dari 5 hingga 9 Ogos 2002 di Hotel Hilton, Petaling Jaya. Tema persidangan ialah *School Libraries for a Knowledge Society*. Perpustakaan Negara Malaysia mempengerusikan Jawatankuasa Seranta yang bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal berhubung dengan promosi persidangan tersebut. Selain aktiviti promosi, Jawatankuasa Seranta berjaya menerbitkan 3 keluaran *Buletin Persidangan*.



■ Pusat Sumber Malaysia Di Luar Negara

Terdapat tiga buah Pusat Sumber Malaysia di luar negara, iaitu di University of Ohio, Athens, USA, di University of Leiden, Belanda dan di University of Victoria, Wellington, New Zealand. Pusat sumber ini ditubuhkan untuk menyokong Kursi Pengajian Melayu dan Kursi Tun Abdul Razak serta menggalakkan pengajian tentang Malaysia, khasnya yang ditawarkan di institusi tersebut. Pada tahun 2002, sebanyak 779 hahan diagihkan kepada University of Ohio, USA, sebanyak 763 bahan kepada University of Leiden, Belanda dan sebanyak 748 bahan kepada University of Victoria, New Zealand.

PENERBITAN

■ Monograf

- *Bibliografi Wanita Malaysia*
- *Bibliografi Krisis Ekonomi: Pengalaman Malaysia (1997-Jun 2001)*
- *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua 2002*
- *Pameran Koleksi Agung Negara, Warisan Dunia (brosur)*
- *Warisan Manuskrip Melayu (buku mewah)*
- *Bibliografi ASEAN*
- *Buku Membaca dan Perpustakaan: Koleksi Cereka Kartun (2002)*
- *Katalog Terbitan PNM, 2002/2003*
- *Perkhidmatan Halaman Kandungan Majalah Terkini, Bil. 1-5, 2002*
- *Program Latihan PNM 2002*
- *Pustaka: Buletin PNM. Bil. J/2002 dan 2/2002*
- *Sari Pustaka Bil. 1/2002 dan 2/2002*
- *Sekitar Perpustakaan Bil, 33*
- *Warkah Manuskrip Melayu, Bil. 1/2002 dan Bil.2/2002*



■ Penerbitan Elektronik

- *Bibliografi Perdana Menteri (DalamTalian)*
- *CD Multimedia Bacaan Kegemaran Saya (24 CD)*
- *Klip video lagu Membaca Gaya Wawasan (CD dan VCD)*
- *The Glorious Legacy of Malay Manuscripts (CD-ROM)*

■ Terbitan Bersiri

- *Artikel Majalah/Surat Khabar Luar Negara tentang Malaysia, Bil. 1-5, 2002*
- *Direktori Laman Web Perpustakaan Di Malaysia 2002*
- *Direktori Perpustakaan Di Malaysia, Edisi 4, 2002*
- *Direktori URL Terbitan Bersiri Malaysiana & Luar Negara (1998-2002)*
- *Jurnal Filologi Melayu, Jilid 10*
- *Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2001*



PENULISAN

KERTAS KERJA

Fauziah Abu Hassan

Parliament of Malaysia's Resource Centre and Digitisation. Kertas kerja dibentangkan di The 7th APLAP (Association of Parliamentary Librarians of Asia and the Pacific) Biennial Conference Ankara, Turkey, 9 -14 Sepr. 2002.

Goon, Carole Ann dan Shahrozat Ibrahim

Enabling Access to Commercial Databases through Mylib. Kertas kerja dibentangkan di 4th Digital Library Conference, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19 Dis. 2002.

Goon, Carole Ann dan Nafisah Ahmad

Impact of Malaysian Government Policies on Library Acquisitions: the National Library of Malaysia's Experience. Kertas kerja dibentangkan di Asian Library Conference on Collection Development, Pulau Pinang, 1-3 Jul. 2002.

Nafisah Ahmad

Metadata Standard for the Digital Content Creation. Kertas kerja dibentangkan di 4th Digital Library Conference: Enriching Malaysiana Content for PERDANA, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 17 -19 Dis. 2002.

SITI Aishah Sheikh Kadir

Experience and Efforts in Literacy Programmes: Brief Country Report. Kertas kerja dibentangkan di Regional Workshop for Education Women Leaders to Train Them to Work on Literacy Programme, Dhaka, 22-26 Apr. 2002.

Siti Mariani S.M. Omar

Naskhah-naskhah Kelantan di Perpustakaan Negara Malaysia, Kertas kerja dibentangkan di Malay Sultanate Manuscript Study Workshop II, University Malaya, Kuala Lumpur, 11-14 Jun 2002.

Digital Content Creation: Malay Manuscript Online. Kertas kerja dibentangkan di 4th Digital Library Conference. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19 Din. 2002.

Siti Mariani S.M. Omar dan Siti Zakiah Aman

Preserving the past for the future: experience of the National Library of Malaysia preserving its knowledge and cultural heritage. Kertas kerja dibentangkan di Asian Library Conference on Collection Development, Pulau Pinang, 1-3 Jul. 2002

Tee, Yee Biau

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Kertas kerja dibentangkan di Deposit of Published Materials Awareness Seminar, Sibu, Sarawak, 2 Apr. 2002.

Wan Ali Wan Mamat dan Shahrozat Ibrahim

Pemeliharaan Terbitan Elektronik di Malaysia dan Peranan Perpustakaan Negara Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Program Sehari Bersama Penerbit Ke-4, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 25 Julai 2002.

Zawiyah bt Baba, 1949- , Dato'

Networking the Nation's Libraries: The Role of NLM. Kertas kerja dibentangkan di The International Conference on Linking Technology and Information Services: Issues & Challenges organised by UiTM, Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur, 25 Jun. 2002.

'*PERDANA (Malaysian National Digital Library System): the Way Forward*'. Kertas kerja dibentangkan di 4th Digital Library Conference. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 17-19 Dis. 2002.

'*PERDANA : The Malaysian National Digital Library System: Current Issues and Future Development*'. Kertas kerja dibentangkan di National Library Board, Singapore, 21-26 Apr. 2002.

Zulkifli Abdul Samad

Penggunaan Piawaian Antarabangsa Dalam Penerbitan di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Deposit of Published Materials Awareness Seminar in Sibul, Sarawak, 2 Apr. 2002.

ULASAN BUKU

Abdul Jalil Awang (rev.)

Kewajipan Pemuda Islam Hari Ini. SARI PUSTAKA. (3):7-9; 2002.

Abd. Rahman Sudin (rev.)

Santun Komunikasi. SARI PUSTAKA. (3): 17-18; 2002.

Aniza Eryani Mohd. Razi (rev.)

Hamka Pujangga Islam Kebangsaan Rumpun Melayu: Meratap Peribadi dan Martabatnya. SARI PUSTAKA. (3): 5-6; 2002.

Charles Brilee (rev.)

Sebening Langit Senja. SARI PUSTAKA. (3): 19-20; 2002.

Dahlan Samad (rev.)

Industri Buku Di Malaysia: Isu-isu dan Cabaran. SARI PUSTAKA. (3): 6-7; 2002.

Dayang Norainie Awang Junidee (rev.)

Nilai-nilai Cemerlang Kepimpinan Islam. SARI PUSTAKA. (2): 12- H; 2002.

Fatimah Abdul Hai (rev.)

Pendidikan Rumahtangga. SARI PUSTAKA.(3): 9-10; 2002.

Goon, Carole Ann (rev.)

Reflection on Asia. SARI PUSTAKA, bil. (1): 29-30; 2002.

Harleeza Abu Husin (rev.)

Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia: Satu Analisis Perkembangan Kebudayaan di Malaysia. SARI PUSTAKA. (1): 19-20; 2002.

Haslinda Hj. Kasim (rev.)

Etika Profesional. SARI PUSTAKA, bil. (2): 5-8; 2002.

Husnita Hussin (rev.)

Ragam Sekeping Hati. SARI PUSTAKA. (3): 10-11; 2002.

Huzairul Hezrl Saidin (rev.)

Perumahan dan Kediaman. SARI PUSTAKA. (2): 14-15; 2002.

Jamaliah Shahid (rev.)

Dimimisme Mohd. Khalil Yaakob: 13 Tahun Sebagai Menteri Besar Pahang. SARI PUSTAKA. (1): 1-12; 2002.

Mohd. Ilaris Kasim (rev.)

EtikaAkn Sekitar. SARI PUSTAKA. (2): 4-5; 2002.

Mohamad Shuhada Paiman (rev.)

Syariah Isam; Ciri-ciri dan Keunggulan. SARI PUSTAKA. (2): 18-19; 2002.

Musalmah A. Muiz (rev.)

Am Pengurusan Sumber Manusia: Pendekatan Proses. SARI PUSTAKA. (1): 8-9; 2002.

Norazlina Zainudin (rev.)

Dari Dalam Daging; Singapura Dalam Malaysia. SARI PUSTAKA. (1): 12-13; 2002.

Noor Faizah Mohd. Fauzi (rev.)

Mahligai. SARI PUSTAKA. (1): 17; 2002.

Noor Marfazila Mohd. Fahmy (rev.)

Berani Gagal Daripada KSE (Ekonomi Kia-Su) Kepada KBE (Ekonomi Berasaskan Pengetahuan). SARI PUSTAKA. (2): .M; 2002.

Nor Syaflnaz Samsudin (rev.)

Aku Anak Timur. SARI PUSTAKA. (3): 3-4; 2002.

Razman Abdul Rani (rev.)

Mengapa Saya Masuk Islam. SARI PUSTAKA. (2): 11-12; 2002.

Rosenah Abdul Karim (rev.)

Anda Boleh Berjaya : Panduan Langkah Demi Langkah Bagi Mereka Yang Ingin Berjaya. SARI PUSTAKA. (1): 4-5; 2002.

Ruhana Hussin (rev.)

Membina Kendiri Unggul Berkarmna. SARI PI ISTAKA. (1): 20-2 1; 2002.

Salbiah Mohamad Yusof (rev.)

Asertif dan Komunikasi, SARI PUSTAKA. (1): 10 11; 2007.

Saliza Abd. Hamid@Salleh (rev.)

Keluar dari Tempurung: Pembentukan Diri Ke arah Kecemerlangan. SARI PUSTAKA. (2): 9-1 I; 2002.

Shahimin Suamun (rev.)

Pengenalan Kepada Pengkomputeran Kerja Berkumpulan. SARI PUSTAKA. (1): 22 23; 2002.

Shahrozat Ibrahim (rev.)

Pengurusan Alam Sekitar: Dari Stockholm Ke Rio de Janeiro Dan Seterusnya. SARI PUSTAKA. (1): 23-24; 2002.

Suriyawani Sulaiman (rev.)

Wauita-Wanita Mulia Di dalam Kehidupan Rasulullah s.a.w. SARI PUSTAKA. (1): 31 -32; 2002.

Tee, Yee Biau (rev.)

The Smart Guide To Taking Medicines & Herbs. SARI PUSTAKA. (1): 30-31; 2002

Wan Ali Wan Mamat (rev.)

Perjalanan Mencari Bahasa. SARI PUSTAKA (1): 24-27; 2002.

Zaleha Zainal Abidin (rev.)

Jaminan Sosial Warga Tua. SARI PUSTAKA. (1): 15-16; 2002.

Zalina Abdul Rahim (rev.)

Manusia-manusia Contoh Di Malaysia Dan Di Dunia. SARI PUSTAKA. (1); 18-19; 2002.

Zawiyah bt Baba, 1949- , Dato' (rev.)

Adventure Journey In Sabah. SARI PUSTAKA. (1): 1-2; 2002

Islam And The Muslim Ummah: Selected Speeches of Dr. Mahathir Mohamad. SARI PUSTAKA. (2): 8-9; 2002.

Isu Dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam: Himpunan Kertas Kerja Persidangan. SARI PUSTAKA. (1): 13-15; 2002.

Records And Recollections, 1889-1934. SARI PUSTAKA. (2): 15-17; 2002.

Regards Malaysia. SARI PUSTAKA. (3): 12-13; 2002.

The Art Of Living; Residential Architecture In The Islamic World. Kuala Lumpur: Islamic Arts Museum Malaysia. 2001, SARI PUSTAKA. (1): 6-8; 2002.

Zuraidah Sulaiman (rev.)

Psikologi Belajar: Bagaimana Anda Boleh Berjaya Dan Cemerlang. SARI PUSTAKA. (1): 27-29; 2002.

KEBAJIKAN DAN SUKAN

KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

■ Kepimpinan Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

Seramai 12 orang telah dipilih oleh ahli kelab bagi memimpin Kelab Perpustakaan Negara Malaysia di Mesyuarat Agung Tahunan Kelab pada 16 April 2000. Pemilihan dibuat 2 tahun sekali. Bagi tahun 2002 tiada pemilihan diadakan. Kepimpinan Kelab bagi sesi 2002/2003 tidak berubah, tetapi ada pelantikan baru yang dibuat kerana berlaku pertukaran atau pelepasan Jawatan oleh penyandang Jawatan. Mereka ialah:

Yang DiPertua Kelab

Puan Norpishah Mohd Noor

Naib Yang DiPertua Kelab

Tuan Hj. Rosham Hj. Abdul Shukor

Setiausaha Kehormat

Puan Jamilah Mohd. Sir

Penolong Setiausaha

Puan Noor Aznah Zakaria

Bendahari Kehormat

Puan Norashikin Lee Abdullah

Ahli Jawatankuasa Eksekutif

Encik Raslin Abu Bakar

Encik Mohd. Razalli Ahmad Termizi
(sehingga 1 April 2002)

Encik Muhamad Shuhada Paiman
(mulai Mei 2002)

Encik Muhamad Musa

Puan Rosenah Abd. Karim

Encik Zainal Abu

Encik Abdul Rani Abdul
(sehingga 16 Januari 2002)

Encik Wan Mohd. Fazali Mohd. Salleh
(mulai Februari 2002)

Puan Norliza Othman

■ Keahlian

Pada masa ini terdapat 3 jenis keahlian, iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Terdapat 4 orang Ahli Kehormat yang terdiri daripada mereka yang pernah memegang Jawatan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia atau Yang DiPertua Kelab Perpustakaan Negara Malaysia. Sehingga Disember 2002, terdapat seramai 358 orang Ahli Biasa dan 52 orang Ahli Bersekutu. Ahli Bersekutu terdiri daripada mereka yang bertugas di luar jabatan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dan juga kakitangan Syarikat Kawalan Keselamatan dan Syarikat Penyenggaraan Bangunan PNM.

■ Aktiviti

Pelbagai aktiviti diusahakan oleh Kelab sepanjang tahun 2002 bertujuan untuk memupuk silaturrahim. Dalam tahun 2002 Kelab PNM mengadakan berbagai-bagai aktiviti untuk dimanfaatkan oleh ahlinya. Aktiviti terdiri daripada aktiviti sukan, sosial dan agama. Pada 9 April 2002, Hari Keluarga PNM diadakan di Hulu Yam Resort Perdana. Sambutan daripada ahli amat menggalakkan. Hampir 300 orang warga PNM bersama keluarga hadir.



Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Norpishah Mohd. Noor selaku Yang DiPertua Kelab Perpustakaan Negara Malaysia bersama warga PNM semasa Hari Keluarga PNM.

Majlis Sambutan Ma'al Hijrah 1423 H diadakan pada 21 Mac 2002 di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Ustaz Azhari Othman, Imam I Masjid Negara diundang untuk memberikan Ceramah bertajuk *Hikmah Hijrah Rasululllah*.

Pada 13 Mei 2002, seramai 20 orang warga Perpustakaan Negara Malaysia menderma darah di Pusat Darah Negara. Ketua Pengarah turut hadir untuk memberikan Sokongan



Encik Yushaimi Yusoff, Pembantu Perpustakaan, sedang ditemu ramah oleh pemberita TV3, diperhatikan oleh Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia semasa program derma darah.

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1423H diadakan pada 3 Jun 2002 di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Ceramah *Keindahan Islam Diterjemah Dalam Kehidupan Rasulullah* disampaikan oleh Ustaz Haji Shihabuddin Alang Mar Piah daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Dalam bidang sukan, Kelab PNM mengambil bahagian dalam berbagai-bagai kejohanan anjuran MAKSOWIP, Belia •IB, PUSPANITA serta mengadakan pertandingan persahabatan dengan agensi lain. Pada 4 Mei 2002, perlawanan bola sepak dan bola jaring diadakan Sempena lawatan sambil belajar ke Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.

Kumpulan Kompang Kelab PNM membantu menyirikan Majlis Pelancaran Kempcn Membaca Kebangsaan 2002 yang diadakan pada 8 Julai 2002 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra. Kumpulan Kompang berpeluang mempersembahkan paluan kompang semasa mengiringi keberangkatan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menuju ke Dewan Merdeka.

Pesta Sukan PNM 2002 diadakan dari 3 Ogos 2002 hingga 25 Ogos 2002. Bagi tujuan ini, warga PNM dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut nama ikan, iaitu Toman, Kelah dan Sebarau. Pasukan Sebaran muncul johan dalam pesta ini.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri diadakan pada 20 Disember 2002 jam 11.00 pagi di Ruang Pameran, Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis ini turut meraikan 20 orang anak yatim.

■ Penerbitan

Sebanyak empat keluaran *Berita Kelab* disiapkan dalam tahun 2002, iaitu Bil. 2/2001, Bil. 1/2002, Bil. 2/2002 dan Bil. 3/2002. *Berita Kelab* menyediakan ruang bagi ahli Kelab untuk berkarya, seperti puisi, kartun, petua, resipi dan lain-lain yang mempunyai mesej dan mendatangkan faedah kepada pembacanya.

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANTA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)

Staf Perpustakaan Negara Malaysia adalah ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah ahli PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia ialah seramai 41 orang yang terdiri daripada staf di setiap gred.

Perpustakaan Negara Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia Ke-19 yang diadakan pada 5 April 2002 di Auditorium. Y.Bhg. Puan Sri Datin Seri Fauziah Shahrom, Penaung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia merasmikan mesyuarat. Puan Norpishah Mohd. Noor, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah, mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Jabatan menganjurkan Bengkel Pencarian Maklumat pada 10 Ogos 2002 khas untuk ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ahli PUSPANITA Jabatan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bola Jaring Antara Bahagian yang berlangsung pada 23 Mac 2002. Ahli PUSPANITA juga turut menghadiri Ceramah agama dan kesihatan yang dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seramai 8 orang ahli PUSPANITA Perpustakaan Negara Malaysia mengikuti Kursus Kefahaman Islam PUSPANITA Wilayah Persekutuan anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 28 - 31 Oktober 2002 di Pulau Langkawi.



ISSN 0128-3170



9 77012b 3 17007